



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL HADI YUSOFF  
PENULIS DAN PENYAIR KELANTAN**

**OLEH:**

**NUR HASANAH BINTI ZAMARI      2012727751  
NURUL AFFATIN BINTI ABD LATIF    2012507909**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL HADI YUSOFF  
PENULIS DAN PENYAIR KELANTAN**

**OLEH:**

**NUR HASANAH BINTI ZAMARI      2012727751  
NURUL AFFATIN BINTI ABD LATIF   2012507909**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim.

Syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaan-Nya maka tugas ini dapat dilaksanakan dan disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan kami rakamkan kepada pensyarah kami, Puan Nor Kamariah Binti Chik diatas segala bimbingan, perbincangan dan bantuan yang diberikan kepada kami sepanjang tempoh penyeliaan tugas khusus ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Hadi Bin Yusoff diatas kesudian beliau dalam memberi peluang kepada kami untuk menemuramah beliau dan disamping itu turut berkesempatan dalam meluangkan masa bagi sesi temuramah bersama beliau.

Sekalung penghargaan dan terima kasih daripada kami buat semua ibubapa dan sahabat handai kami yang telah banyak membimbing, memberi ilmu, dorongan dan bantuan dalam bidang berkaitan amat kami hargai.

Akhirnya, terima kasih juga kepada mereka yang telah menyumbangkan idea kepada kami secara langsung atau tidak dalam menyiapkan tugas ini, semoga Allah S.W.T sahaja yang akan memberikan ganjaran buat kalian. Insha Allah.

Terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	II
Isi Kandungan.....	IV
Abstrak.....	VI
Biodata Tokoh.....	VIII
Pengenalan.....	X
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Kerjaya.....	17
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	45
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	50
Bahagian 5: Penghargaan.....	54
Rujukan.....	62
Lampiran	
Log Wawancara.....	64
Senarai soalan.....	69
Surat Perjanjian.....	73
Gambar .....	75
Indeks.....	78

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dijalankan bertujuan untuk memenuhi tugas khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah bersama tokoh yang telah dipilih didalam sesuatu bidang yang diceburi. Kajian terhadap penggiat warisan seni budaya masyarakat Kelantan merupakan satu kajian berbentuk saintifik dimana kaedah temuramah tokoh dilaksanakan bagi mengumpul data-data yang diperlukan. Terdapat beberapa skop yang perlu diambil kira dalam menjalankan temuramah bersama tokoh iaitu mengutarakan soalan berdasarkan elemen seperti latar belakang tokoh, kerjaya tokoh, pencapaian dan anugerah tokoh serta pengalaman yang dirasai tokoh itu sendiri. Tokoh yang telah dipilih bagi menjalankan temuramah ialah Encik Abdul Hadi Bin Yusoff iaitu seorang penulis, penyair dan penyajak terkenal di negeri Kelantan Darul Naim dimana beliau telah banyak menghasilkan karya daripada pelbagai genre seperti puisi, cerpen, esei, drama (radio dan televisyen), novel dan juga teater. Tokoh ini telah banyak melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti warisan budaya dibawah Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan seperti persembahan teater dan mendeklamasi sajak serta puisi.*

**Kata kunci:** *Penyajak, Penyair, Warisan Budaya, Penulis Kelantan*



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



Nama : Abdul Hadi bin Yusoff

Nama Pena/Samaran : Cempakasari

Gelaran /Anugerah :

- i. Hadiah Utama Hadiah Sastera Utusan Melayu – Public Bank, 1992
- ii. Hadiah Utama Sayembara Puisi Kemerdekaan
- iii. Johan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Kelantan, 2005
- iv. Tempat Ketiga Sayembara Deklamasi Puisi Peringkat Kebangsaan, 2005 dan 2006

Tarikh Lahir : 25 Jun 1959

Tempat Lahir : Kampung Panchor, Kota Bharu, Kelantan

Bidang Penulisan : Puisi, cerpen, drama radio dan teater

Hasil Karya : Kumpulan Cerpen: *Tali-Tali*,

Kumpulan Puisi: *Dalam Diam* dan berpuluh puisi dan cerpen yang tersiar dalam pelbagai media penerbitan tempatan

Pekerjaan : Pencari Fail

Alamat Rumah : Lot 1506, Kg. Chekok, Rambutan Rendang, Jalan Panji, 16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

No. Telefon (R): 09 – 7746592

No. Telefon(Telefon Bimbit):017-9813896

Persatuan yang Dianggotai : Persatuan Penulis Kelantan (PPK) - Setiausaha Dua

Majlis Teater Malaysia Negeri Kelantan (TEMA) – Ahli Jawatankuasa

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Kelantan sebuah negeri yang terkenal sebagai negeri yang kaya dengan warisan budaya dan tradisi yang kukuh sejak zaman berzaman sehingga ke hari ini. Dari sebuah negeri yang berkembang dalam sejarahnya seperti gelaran negeri “Cik Siti Wan Kembang” sehinggalah kepada gelaran “Kelantan Darul Naim”, seiring dengan itu maka lahirnya ramai golongan rakyat yang mahir dari segenap bidang kesenian tradisi rakyat seperti bidang tarian, permainan rakyat, ukiran dan penulisan.

Bidang penulisan boleh dikatakan salah satu faktor penyumbang kepada perkembangan intelek yang berlaku di negeri Kelantan iaitu dengan melalui penulisan cerpen, puisi, syair dan persembahan teater yang boleh dikaitkan dengan gaya sosio budaya masyarakat di negeri ini. Keunikan ini bukan boleh dilihat pada loghat Kelantannya sahaja, tetapi juga cara masyarakat ini dalam mempersembahkan dan menghidupkan watak-watak semulajadi dalam setiap penghayatan yang diabadikan sebagai puisi dan sajak melalui gaya bahasa yang penuh dengan pengajaran dan didikan.

Peranan pelbagai pihak seperti Persatuan Penulisan dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan yang bertindak sebagai tulang belakang sepatutnya dipergiatkan bagi menyemai elemen-elemen penting dalam menarik perhatian dan minat segelintir masyarakat dalam menengahkan bakat-bakat iaitu melalui pertandingan-pertandingan, karnival-karnival, seminar, bengkel serta aktiviti-aktiviti kesenian.

Perkembangan didalam bidang penulisan semakin rancak pada tahun 1990-an dan peringkat mutakhir ini, penglibatan penulis-penulis dari pelbagai latar belakang telah memberikan kepelbagaian warna dan corak dalam penulisan novel. Kepelbagaian ini adalah hasil daripada hadiah-hadiah penulisan sastera yang semakin berkembang dan telah banyak pihak yang tampil menganjurkan peraduan mengarang atau memberikan hadiah. Ini termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka yang meneruskan peranan sebagai agensi utama penggalak pengembangan sastera kebangsaan; GAPENA, Utusan Melayu dan Yayasan Warisan Negeri.

Encik Abdul Hadi Bin Yusoff adalah salah seorang penulis dan penyair terkenal di negeri Kelantan yang mana turut menghasilkan karya melalui minatnya dengan menulis pelbagai genre puisi, cerpen, esei, drama (radio dan televisyen) dan novel, serta deklamasi puisi dan teater. Pelbagai kejayaan peringkat negeri dan kebangsaan telah diraih sepanjang 37 tahun berkecimpung di dalam bidang penulisan.

Antaranya adalah Pingat Perangai Baik (P. P. B) KDYMM Al-Sultan Kelantan pada tahun 2009, Anugerah Penulisan dan Deklamasi Puisi daripada Puteri Pos Malaysia pada tahun 2000, tercatat nama dalam "The Malaysian Book of Record (MBR)" dalam membaca puisi 24 jam anjuran GAPENA pada tahun 2001. Dan turut menjadi ahli panel Forum Kemerdekaan terpanjang yang dilaksanakn tanpa henti selama 50 jam yang dianjurkan oleh GAPENA pada 24 – 26 Ogos 2007, Anugerah Penggiat Sastera Terbaik daripada Jalinan Anak Seni, Teater, Tari dan Sastera pada tahun 2011 dan 2014) tahun, penerima Penghargaan Karyawan Kelantan pada tahun 2013 dalam kategori puisi oleh Kerajaan Negeri Kelantan, penerima Penghargaan Penggiat Seni 2013 Negeri Kelantan oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Kelantan (JKKN) dan turut menerima Penghargaan Hadiah Kepimpinan Budaya 2013 oleh Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKN).

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah mengenai seorang tokoh di dalam bidang penulisan negeri Kelantan, Encik Abdul Hadi Bin Yusoff yang telah banyak menggiatkan diri didalam aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan dan terlibat dengan banyak pertandingan dan pencapaian di peringkat negeri dan kebangsaan. Beliau telah banyak menghasilkan karya dalam pelbagai genre seperti cerpen, puisi, sajak dan syair. Rakaman ini telah berlangsung di rumah beliau iaitu di Kota Bharu, Kelantan dan sesi temuramah telah berlangsung sepanjang tempoh masa 2 jam, bertarikh 2 haribulan Mei 2014 pada 3.30 petang. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EAHY: Encik Abdul Hadi Yusoff

NA: Nurul Affatin

NH: Nur Hasanah

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NA : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum w.b.t. pertama sekali kami nak [hendak] berterima kasih kepada pak cik kerana sudi meluangkan masa bersama kami sesi temu ramah ini. Seperti yang pak cik maklum kami dari UiTM [Universiti Teknologi Mara] Machang fakulti Pengurusan Maklumat. Saya Nurul Affatin bersama rakan saya Nur Hasanah dan Nur Ezzaty. Okay [baiklah], pertama sekali kami nak [hendak] tanya pasal apakah nama penuh pakcik dan nama panggilan yang digunakan?**

**EAHY : Waalaikummussalam, baik. Terima kasih. Selamat datang ke rumah saya ini. Maafah kalau susah sampai ke sini pasal tidak pernah datang. Nama penuh saya Abdul Hadi Bin Yusoff. Saya pernah guna nama hanis i.l.y [nama pena beliau]**

ataupun Cempakasari [nama pena beliau] pada zaman muda-muda. Saya dilahirkan di kampung Panchor, Kemumin, Kota Bharu, Kelantan pada dua puluh lima Jun sembilan belas lima puluh sembilan [25/6/1959], dimana umur saya sekarang lima puluh lima tahun [55].

**NA : Bila dan dimanakah pakcik dilahirkan dan dibesarkan?**

**EAHY :** Saya dilahirkan di kampung Panchor disebelah sana [menunjukkan ke kampung sebelah] jalan hendak pergi ke\_Sabak. Kampung Panchor dengan Kota Bharu lebih kurang enam kilometer [6km] dan saya dibesarkan di kampung Jejawi. Kampung Jejawi itu\_hampir dengan Padang Tembak lalu pada tahun sembilan belas lapan puluh [1980], kampung itu telah terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk dibangunkan kawasan perindustrian, maka saya pindah ke sini [kampung Chekok]. Ini rupa-rupanya kampung nenek saya, kampung asalnya disini dan saya tinggal di kampung Chekok ini dimana jaraknya kurang empat kilometer [4km] dari Kota Bharu.

**NA : Apakah nama penuh ibu dan bapa pakcik dan maaf bertanya adakah mereka masih hidup?**

**EAHY :** Kedua-duanya sudah meninggal. Ibu saya nama Saudah Binti Yusof [nama ibu tokoh] (cucu beliau menangis), ayah saya Yusoff Bin Che Long [nama ayah tokoh], nama mereka hampir [mengatakan nama ayah beliau dengan nama ayah ibunya sama]. Ibu saya meninggal pada tahun tujuh puluh tujuh [1977], ayah



saya meninggal tahun dua ribu tiga[2003].

**NA : Ibu bapa pakcik berasal dari mana?**

**EAHY :** Ibu saya berasal dari kampung Jejawi di Padang Tembak ini, ayah saya kampung Panchor. Saya dilahirkan di kampung Panchor dan saya dibesarkan di kampung Jejawi dan kampung Jejawi itulah yang melahirkan sajak saya iaitu Burung Tempua [tajuk sajak beliau]. Kalau anak-anak belajar semasa tingkatan satu [1], bermula tahun dua ribu [2000] hingga dua ribu sepuluh [2010] KOMSAS [Komponen Sastera] Se hijau Warna Daun (suara orang bercakap), di dalam itu ada sajak Burung Tempua (ketawa). Sebelum itu saya tidak mula menulis lagi. Masa enam puluh lapan [tahun 1968] itu saya kecil-kecil lagi, saya selalu tengok burung tempua itu dan pada tahun lapan puluh enam [1986] barulah saya tulis sajak ini.

**NA : Sebelum ini apakah pekerjaan pak cik?**

**EAHY :** Saya kerja di bahagian pentadbiran di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta di Wisma Persekutuan, tingkat empat [4] aras empat [4]. Keterlibatan bidang kerjaya saya memang tidak berkait langsung dengan kerjaya [bidang penulisan] saya ini. Keterlibatan saya mungkin kerana bakat itu tidak tahulah tapi sebab memang minat saya.

**NA : Berapakah bilangan adik beradik pak cik dan pak cik anak ke berapa?**

**EAHY :** Seibu sebapa saya ada tiga [3] beradik, di dalam buku Dewan Sastera ini saya ada cerita semuanya[menunjukkan buku Dewan Bahasa dan Pustaka], dan ayah saya ini dia berkahwin lain juga. Berkahwin lain itu, saya ada enam [6] orang adik-beradik lagi. Keseluruhan adik beradik saya mungkin sembilan orang [9] . Saya anak yang pertama dalam keluarga.

**NA : Siapakah nama isteri encik?**

**EAHY :** Isteri saya berasal dari Bukit Panas Tanah Merah, namanya Meriam Binti Awang Lah. Dia juga seorang yang terlibat dengan puisi-puisi tradisional seperti nazam, gurindam, syair dan sebagainya dan turut menulis sajak dan cerpen. Dia pernah menang di peringkat negeri Kelantan, Mendodoi Anak [mungkin merujuk kepada antara penulisan isteri beliau], dia ada buku yang diterbitkan dengan\_ \_ , nanti saya tunjukkan buku yang dihasilkan oleh beliau terutama sekali mengenai dengan puisi-puisi tradisional.

**NA : Sudah berapa lamakah pak cik berkahwin?**

**EAHY :** Saya berkahwin pada tahun lapan puluh satu [1981] (ketawa), hampir tiga puluh tahun lebih [merujuk 33 tahun].

**NA : Macam mana pak cik kenal dengan isteri pak cik?**

**EAHY :** Okay, memang sudah jodoh . Saya pun tidak tahu dia terlibat dengan bidang

kesusasteraan dan sebagainya. Saya sebenarnya berkawan dengan Sabri Yunus [pelakon dan pelawak tempatan] dan kelmarin baru dia balik KL [Kuala Lumpur,ibu kota Malaysia], beberapa hari dia berada disini untuk buat kajian tentang wayang kulit. Adik Sabri namanya Sabariah, dan dia berkawan dengan isteri saya. Semasa itu, isteri saya belajar di vokasional [sekolah kemahiran] sekarang dipanggil sekolah teknik di Pengkalan Chepa[sebuah daerah di negeri Kelantan]. Kampung saya kampung Jejawi dekat dengan kampung Landak. Sabri ini tinggal di kampung Landak [merujuk ke kampung asal Sabri Yunus]. Sabri berpangkat adik dengan saya [merujuk ke umur antara mereka berdua] dan saya sedang bertukar-tukar bahan dengan dialah. Tulisan tangan pengasas dikir barat \_ \_itu saya beri kepada dia, dan dia bagi saya sajak yang saya sangat-sangat perlu daripada dia iaitu sajak mengenai budu. Tapi sajak Budu itu dalam dialek Kelantan tapi seingat saya pada tahun dua ribu tiga [2003] dia baca sajak itu di Padang Perdana Kota Bharu, dihadiri oleh Tuanku [Sultan Kelantan, Sultan Muhammad ke IV] dan dia bagi sajak itu kepada saya dengan tulisan tangan. Jadi pertemuan kami dengan secara tidak sengaja(suara orang luar bercakap), sebab kawan dengan kawan. Saya kawan Sabri, dia[merujuk kepada isteri beliau] pula kawan adik Sabri. Sekarang Sabariah bekerja dekat DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka].

**NA : Apakah isteri pak cik masih menulis sehingga sekarang?**

**EAHY : Ya. Betul. Pada dua puluh lima hingga dua puluh sembilan [29] baru-baru ini**

kami ke Sabah membicarakan mengenai buku Bukan Menari Di Pentas Guru dia[merujuk kepada isteri beliau] pun ahli jawatankuasa persatuan penulis Kelantan, saya setiausaha satu (1) Persatuan Penulis Kelantan. Kami AJK [Ahli Jawatankuasa] pergi ke sana membicarakan dan disana kami berkunjung ke perpustakaan Sabah, ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian dan ke Dewan Bahasa[Dewan Bahasa dan Pustaka]. Di situ kami membuat persembahan antaranya , gurindam dan dengan gurindam itu isteri saya buat persembahan dan pada dua belas haribulan Mei [12/5], dia dijemput untuk mengadili syair di sekolah Tanah Merah. Maknanya dia masih terlibat walaupun dia surirumah tangga dan masih terlibat aktif.

**NA : Berapa bilangan anak pak cik?**

**EAHY :** Ya, dalam ini pun ada dinyatakan [merujuk kepada buku Dewan Sastera]. Bilangan anak saya adalah enam [6 orang], yang sulung meninggal lemas, banjir pada dua puluh enam haribulan dua belas sembilan belas sembilan puluh tiga [26/12/1993]. Sewaktu itu dia darjah enam, baru seminggu masuk darjah enam. Banjir sini besar, semasa tahun sembilan puluh tiga [merujuk pada tahun 1993] banjir terlalu besar(suara orang bercakap), dia[merujuk kepada anak beliau] lemas. Ini gambar dia [merujuk kepada gambar keluarga beliau di dalam buku Dewan Sastera]. Waktu ini pada tahun sembilan puluh dua [merujuk pada tahun 1992], saya sempat bawa dia ke perhimpunan penulis muda di Langkawi [sebuah daerah di negeri Kedah]. Ini dia [menunjukkan gambar anak sulung beliau]. Dia

bersebelahan dengan Nash [penyanyi kumpulan rock tempatan], sewaktu itu Nash [penyanyi kumpulan rock tempatan] baru hendak bernikah. Ini saya, ini dia [menunjukkan gambar beliau serta anak beliau], nama dia Shahrul Hisham. Jadi anak saya sekarang tinggal lima[5 orang].

**NA : Berapa umur anak pakcik jika dia masih hidup?**

**EAHY :** Tiga puluh lebih [merujuk kepada usia 30 tahun lebih].

**NA : Apakah pekerjaan anak-anak pak cik?**

**EAHY :** Yang kedua itu [merujuk kepada gambar keluarga beliau dalam buku Dewan Sastera] sekarang berada di Dewan Bahasa[Dewan Bahasa dan Pustaka], bekerja\_ , dia menulis dan belajar di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] dan sekarang bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang ini [merujuk kepada gambar anak beliau] sekarang bekerja di PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] di Kota Bharu. Ini pula[merujuk kepada gambar keluarga beliau] tingkatan lima [5], yang ini [merujuk kepada gambar anak beliau] *nurse* [jururawat] sekarang di Kuala Lumpur [ibu negara Malaysia]. Selepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia],dia [merujuk kepada anak beliau] belajar di Ampang [daerah di negeri Selangor].

**NA : Berapa orang cucu yang pak cik ada?**

**EAHY :** Dua orang. Cucu pertama sekarang berumur 3 tahun, (berbual dengan isteri

beliau). Ini berumur enam bulan [merujuk kepada cucu kedua].

**NA** : **Apakah hobi pak cik pada waktu terluang? (bayi menangis)**

**EAHY** : Memang menulis. Saya menulis berbagai-bagai genre. Saya terlibat dengan semua lakonan dan apa saja berkaitan dengan penulisan saya dan dalam ni [ini] ada dinyatakanlah apa yang saya terlibat [merujuk kepada buku Dewan Sastera] dalam semua aspek, deklamasi puisi, teater, tak [tidak] kiralah drama radio ke drama tv [televisyen], sajak atau cerpen ke saya terlibat sepenuhnya dalam bidang ini kerana saya berkawan dengan orang-orang yang- - -pengamal. Contohnya apa saja, akan saya mengambil iktibar daripada kebolehannya dan saya belajar dengan secara langsung sebab berguru itu harus berdepan . Ok [baiklah] saya belajar melalui pengalaman dan - itulah maksud saya. Bukan di\_\_ tapi saya terus ke tokoh berkenaan dan ada tokoh-tokoh yang saya temui, saya akan cuba dapatkan\_tulisan tangan dia. saya dapatkan tulisan tangan dia[merujuk kepada tokoh-tokoh penulisan] sebagai bukti (bayi menangis).

**NA** : **Siapakah antara tokoh-tokoh yang menjadi idola pak cik?**

**EAHY** : Okay [baiklah]. Salah seorang beliau ialah Norhisham Mustafa[penulis dan sasterawan tempatan]. Dia ialah penasihat Persatuan Penulis Kelantan. Saya mengenali beliau sekitar tahun tujuh puluhan [1970an] melalui nama sahaja sebab waktu itu dia banyak mengembangkan karya dia dalam radio lah [tabiat percakapan]. Suatu hari, saya temui dia dan bermula tahun tujuh puluhan

[1970an], saya pergi ke Pantai Sabak bersendirian dan disana ada satu kumpulan dan kumpulan itulah tercetusnya saya untuk mendekati diri saya dalam bidang penulisan dan orang yang terasing dari kumpulan itu ialah Norhisham Mustafa dan saya pergi tanya sapa [siapa] orang itu, orang kata Norhisham, saya pergi kepada dia, saya tanya bagaimana untuk menulis drama. Dia pun terus garis kat [dekat] atas pasir, dia buat satu petak-petak dan ini plot-plot dan terus saya pergi ke rumah dia dan saya boleh mewakili Kelantan di dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan melalui sajak dia Sebuah\_\_\_. Bermula dua ribu lima [tahun 2005], dua ribu enam [tahun 2006], dua ribu tujuh [tahun 2007], saya menang tiga [3] tahun jadi hadiah piala pusingan itu dapat kepada saya. Itulah di dalam bidang penulisan puisi, dalam bidang lain-lain itu bergantung kepada- - -. Bagi keseluruhannya ialah A. Samad Said[Sasterawan negara] dan saya tak [tidak] putus lah[tabiat percakapan], saya selalu berhubung dan sebagainya. Saya melihat dia dalam sudut seniman atau sasterawan. Jangan fikir hal lain lah[tabiat percakapan] (gangguan), itu hak peribadi dia lah[tabiat percakapan]. Dan saya ikuti dan segalanya sebab komitmen dia. Dia benar-benar seorang yang tulen dan dia- bermula dengan puisi\_\_\_ seterusnya masuk novel\_\_\_. Kalau teater tu [itu] saya berguru lah[tabiat percakapan] dengan arwah Aziz H.M[Abdul Aziz H.M,penyair,penulis dan penggiat seni tempatan], semasa itu teater- - -.

**NA** : Apakah antara kenangan manis dan pahit yang pak cik pernah lalui?

**EAHY** : Bagi saya semua manis\_saya mengatakan tu [itu] semua\_ \_\_. Saya tidak

memisahkan diri saya dengan sayembara sebab sayembara itu ialah peluang untuk kita mengetahui hasil karya kita dinilai. Kalau tak [tidak] menang, saya cuba lagi lah[tabiat percakapan], tak [tidak] kira lah[tabiat percakapan] dari segi mana sekali pun. Pahit itu kalau persembahan-persembahan yang kita hadir tak [tidak] setimpal lah[tabiat percakapan]. Contohnya, kita bukan letak harga tetapi dunia hari ini nilai intelektual dengan moral dalam bentuk yang lain kalau nak [hendak] dibandingkan macam artis dan sebagainya. Kalau disitulah maksudnya, disitulah pahitnya dimana keterlibatan kita dalam hal-hal begini nilai kita tidak bermakna sangat. Tapi bagi adik-adik dan anak-anak, tak [tidak] sepatutnya ambik [ambil] ini sebagai alasan untuk mematahkan semangat tapi harus saya dedahkanlah, pada peringkat awal dulu kalau nak [hendak] dikira memang begitu keadaannya, tapi akhir-akhir ini mungkin berbeza.

**NA : Bila dan dimanakah pak cik mula-mula bersekolah?**

**EAHY :** Okay [baiklah]. Saya bersekolah di- - -. Tapak sekolah saya sekarang itu sudah jadi Maahad perempuan. Dulu itu sekolah Majlis Agama Islam bahagian melayu laki-laki[lelaki]. Pada tahun enam puluhan[1960an] tu [itu], dia sudah tidak ambik [ambil] pengambilan baru dan pada peringkat saya tu [itu] sekolah itu dah [sudah] nak [hendak] ditutup. Saya bersama Datuk Muhammad Ammar [Timbalan Menteri Besar Kelantan] tu [itu] sekelas lah[tabiat percakapan] dan sekampung dengan saya lah[tabiat percakapan]. Darjah tiga [3] saya tak [tidak] lulus sekolah tu [itu], jadi Ammar tinggal saya lah[tabiat percakapan] lalu dia



terus belajar dan saya tersekat di tahap itu. Saya tak [tidak] sempat ambik [ambil] STP [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], saya belajar di Institut Pendidikan. Di dalam ini [merujuk buku Dewan Sastera] saya ada nyatakan daripada situlah saya lari daripada alam persekolahan. Walaupun saya tidak belajar tapi saya masih belajarlah dari segi- - -. Kalau nak [hendak] diukur dari segi akademik memang saya tak [tidak] mencapailah, hanya SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saja lah [tabiat percakapan], STP [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] saya tak [tidak] dapat ambil tapi saya bukan meletakkan ketidakcapaian saya ini untuk anak saya teruskan tapi seboleh-bolehnya anak saya untuk berjajalah menyambung pelajaran terutama sekali yang di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan].

**NA** : Adakah pak cik memasuki sekolah rendah dengan sekolah menengah yang sama?

**EAHY** : Lain-lain. Saya bergerak di lokasi atau latar tempat yang amat berbeza. Saya daripada bandar, saya berada di dalam pusat bandar [merujuk kepada Kota Bharu]. Saya dibawak [dibawa] ke Kuala Krai [daerah di negeri Kelantan] di Kuala Krai adalah terlalu asing bagi saya dan cara kehidupan di sana dan nak [hendak] ke sekolah pun jauh dan sebab itulah dan saya balik semula ke Kota Bharu [daerah di negeri Kelantan], belajar di Kota Bharu. Ini mungkin dikatakan sebagai pahit dan manis alam pengajian saya dan segala-galanya itu sebagai kata-kata perangsang yang saya dapat daripada A. Samad Said [sasterawan negara]

pada tahun lapan puluh enam [1986], kami bertemu di Kuantan[daerah di negeri Pahang] sewaktu menghadirkan diri dalam bengkel penulisan novel yang dianjurkan oleh Dewan Pusat Melayu Pahang [Dewan Persuratan Melayu Pahang] di PMP [Pusat Melayu Pahang]. Saya bertanya dia seorang perseorangan, apakah falsafah hidup abang?, dia terus menjawab ,apa sahaja yang berlaku kepada diri semuanya saya tak [tidak] pernah rugi. Lalu saya pegang kata-kata itu, jadi apa yang saya alami itu saya tak [tidak] pernah rugi.

**NA : Adakah pak cik seorang yang aktif bepersatuan dan berkokurikulum semasa sekolah?**

**EAHY :** Oh ya. Masa sekolah saya sudah berlakon lah [tabiat percakapan]. Saya sudah berlakon drama dan saya ambik [ambil] bahagian-bahagian semuanya. Saya dulu bersekolah arab, sekolah arab pada tiap-tiap hari Khamis, dia[sekolah arab] buka peluang lah [tabiat percakapan] kepada- - -. Dia ada satu mata pelajaran akhlak dan- saya ingin dedahkan kepada adik-adik semua lah [tabiat percakapan], cara sekolah dulu dan guru ni [ini] dia duk [duduk] atas satu platform. Bila guru duduk di atas tu [itu] murid di bawahnya akan nampak. Setiap hari Khamis kami ada buku akhlak, buku akhlak tu [itu] dibaca dan didik kita untuk berdepan. Okay [baiklah], disamping itu adalah berkarya. (suara bayi menangis). Kokurikulum itu sebahagiannya lah [tabiat percakapan] dan \_ \_ \_ . (suara orang bercakap). Okay [baiklah], setelah saya temui kelompok penyajak dan \_ \_ tahun tujuh puluhan [1970an], sekitar tahun tujuh puluh tujuh [1977] dan saya telah mengenali

beberapa orang penulis, nama-nama teladan dan Rusli Nik Mat, mengajak saya untuk masuk persatuan penulis lalu daripada ahli biasa saya jadi ahli jawatankuasa dan sekarang saya jadi setiausaha satu [1] Persatuan Penulis lah [tabiat percakapan]. Dan sampai sekarang pun saya terlibat dengan persatuan lah [tabiat percakapan].

**NA** : **Apakah antara subjek yang pak cik suka masa bersekolah?**

**EAHY** : Sastera. Sastera yang saya minat itu sering cikgu mengatakan kepada saya bahawa saya tidak menjawab soalan. Sebab kalau saya jawab soalan sajak pun saya masukkan cerpen, saya masukkan novel. Saya pun tak [tidak] tahu kenapa saya campur semuanya padahal sepatutnya saya tak [tidak] boleh campur. Begitulah, subjek sastera tu [itu] saya minat tu [itu] sebab saya didedahkan oleh bapak [bapa] sedara [saudara] saya dengan majalah-majalah DIAN [majalah tempatan], majalah DIAN itu ada ruangan cerpen dan dia - - - ulas, dia [merujuk kepada bapa saudara beliau] petik kata-kata yang indah di dalam karya itu dan dia letakkan di suatu sudut. Katalah cerpen bulan ini dan bulan hadapan, kata-kata yang indah itu diletakkan di suatu ruang. Yang mula-mula memancing perasaan saya, apabila saya jumpa perkataan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Saya tak [tidak] tahu kenapa kata-kata itu yang paling saya suka. Rupa-rupanya bahasa itu amat penting dalam \_.

**NA** : Siapakah antara teman yang paling pak cik ingat masa zaman sekolah?

**EAHY** : Zaman sekolah tu [itu] dulu [dahulu] Datuk Muhammad Ammar [Timbalan Menteri Besar Kelantan]. Dan saya bayangkan suatu hari nanti saya ada di pentas bersamanya. Beberapa malam yang lepas, semasa memberi penerangan hudud diperkarangan stadium, di ceramah hudud saya dijemput untuk bersajak dan berita keluar hari ini [2/5/2014] dalam sinar [surat khabar Sinar Harian] tu [itu]. Dan saya baca sajak pada malam itu. Jadi, saya hanya di dalam bidang saya iaitu deklamasi sajak lah[tabiat percakapan] dan saya mewakili *NGO* [Non Government Organisation, Badan Bukan Kerajaan] memberi sokongan padu , jadi teman saya semasa kecil beliau lah[tabiat percakapan] Datuk Muhammad Ammar. Dan dalam ini pun saya rakam [merujuk kepada buku Dewan Sastera] di mana pengalaman saya bersama dia pada tahun enam puluhan [1960an] di Pulau Pinang [negeri di Malaysia] dimana saya meninggalkan parut di bawah dagu saya semasa saya jatuh. Jadi pengalaman tu [itu], dia ingat atau tidak soal lain lah[tabiat percakapan]. Tapi dalam bidang ini [merujuk bidang penulisan beliau], dia sudah meninggal lah[tabiat percakapan], arwah Mustafa Jusoh [rakan seperjuangan beliau]. Dia sealiran dengan saya. Sebenarnya kawan tu [itu] mendorong kita, sama ada sedar atau tidak dia boleh merangsang secara senyap ataupun secara terbuka.

**NA** : Setelah tamat sekolah menengah adakah pak cik menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?

**EAHY** : Tidak. Saya tidak sempat ambik [ambil] STP (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia), semasa saya belajar di Institut Pendidikan, saya sudah terlibat dengan Utusan Melayu (surat khabar Utusan Melayu) sebagai pemberita sambilan. Saya terlalu minat pada menjadi pemberita tetapi saya berhenti jadi pemberita sebab tidak bebas dalam menulis benda-benda deskriptif, saya lebih suka kepada karya kreatif. Maka saya- - -, untuk tulis esei atau rencana tu [itu] soal lainlah, saya tak [tidak] terlibat dengan penulisan berita.

**NA** : Apakah antara pesanan yang paling pak cik ingat daripada dulu sampai sekarang daripada tokoh pak cik?

**EAHY** : Ya. Janganlah- - -. Saya masih ingat lagi daripada kata saudara Wadi [tokoh penyair], penyair jugak [juga]- yang agak penting pada tanah air kita, dia ketua dua [II] Persatuan Penulis Kelantan, Wadi Leta S.A[tokoh penyair], nama penuh dia Wan Ahmad @ [alias] Wan Adnan bin Wan Daud, nama pena dia Wadi Leta S.A. Janganlah kita jadi orang yang tersohor kita hendaklah jadi orang yang berjaya. Okay [baiklah] itu yang kedua, yang pertama tadi yang A. Samad Said [sasterawan negara] kata lah[tabiat percakapan]- itu saja lah[tabiat percakapan]. Yang lain pun penting juga- jadi pesanan itu, hadis ya, Rasulullah salahualaihiwasalam [Nabi Muhammad S.A.W] pernah bersabda, ilmu itu ibarat barang yang hilang, hendaklah kita mencari, dan saya tak [tidak] ingat ini hadis

ke apa, ilmu itu ibarat kuda yang liar, hendaklah kita mencatatnya sedang kita mengikatnya. Mencatat ini seperti kita mengikatnya dan tidak dinilai.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: KERJAYA**

**NA** : **Siapakah orang pertama yang mengesan bakat pak cik dalam bidang penulisan?**

**EAHY** : Saya tak [tidak] tahu sapa [siapa] tapi kalau orang yang pertama pujuk supaya saya masuk Persatuan Penulis Kelantan, Rusli Chematari tu [itu]- penyair dan penulis drama dan pelbagai, seorang guru. Kami- mengenali dia di pantai Sabah pada tujuh puluhan [1970an] itu, dia terus mengajak saya untuk terus masuk persatuan penulis dan saya terus masuk- bakat tu [itu] tak [tidak] tahu lah [tabiat percakapan], saya pun- mungkin saya sendiri yang (orang luar bercakap) secara tidak sedar- yang penting semangat bagi saya. Antara bakat dan minat saya, bagi saya semangat tu [itu] kritikal sebab kalau tak [tidak] bayar pun kita buat persembahan, kalau tak [tidak] berbaloi sebagainya itu tak [tidak] mungkin-  
- -.

**NA** : **Macam mana pak cik boleh melibatkan diri dalam bidang penulisan untuk pertama kali dan boleh pak cik ceritakan sedikit pengalaman?**

**EAHY** : Saya sejak kecil lagi saya menunggu ibu saya- - - waktu keluarga saya berpisah saya tiga beradik, saya berada di kampung Jejawi, kampung ibu saya- barangkali waktu itulah jiwa saya dan nurani saya menjadi lebih berperasaan lah [tabiat percakapan]- contohnya setiap petang saya berada di suatu tempat, tempat yang tebingnya tinggi saya melihat ke arah padang sawah padi, ibu saya balik daripada Kota Bharu [daerah di negeri Kelantan], dia sebagai tukang jahit, itu

mesin jahit dia [menunjukkan kearah mesin jahit di sudut rumah], itu antaranya lah[tabiat percakapan]. Jadi dia naik beca roda tiga[sejenis kenderaan beroda tiga],dia akan berhenti di tempat yang adik lalu tadi lah[tabiat percakapan]. Dia ada dua perkampungan iaitu kampung sawah. Kampung Jejawi saya ni [ini] sebelah sana tu [itu], jadi kalau ibu saya tak [tidak] pulang, malam itu saya tunggu dia lah[tabiat percakapan]. Jadi, disitu jiwa saya menjadi matang dan waktu saya menanti ibu saya itu, burung tempua sedang turun naik membuat sarang. Di sawah padi itu ada pokok buluh dan pokok kelapa, itu lah suasana alam yang Tuhan cipta. Jadi, waktu saya nak [hendak] menulis tu [itu] pada tahun tujuh puluhan [1970an] saya bermula, dan sekitar lapan puluh enam [1986] tu [itu] saya masuk sayembara- iaitu penulisan puisi yang dianjurkan oleh Persatuan PENA [Persatuan Penulis Nasional], puisi remaja tahun\_ \_\_, kemudian terdetik dalam fikiran saya untuk jadikan sajak burung tempua. Burung tempua itu ada maksud yang tersirat dan tersurat iaitu bagaimana- dua ekor burung, jantan dan betina berkongsi buat sarang yang cantik, indah jalinan itu sedangkan ketika itu ayah dan ibu saya sudah berpisah. Okay [baiklah], dalam bidang penulisan sebenarnya yang mendorong kita untuk berkarya adalah kontras, benda yang kontras itulah dan jiwa penulis adalah jiwa protes. Kita kena tengoklah dari sudut positif atau negatif tapi yang pentingnya *perfect* [sempurna]. Bila kita ada sikap *perfect* [sempurna]\_ \_\_, yang nak [hendak] melahirkan karya tu [itu] demi hidup, kontras, bagi dia ada watak bulat watak titik, itu maksudnya. Jadi- cetusan daripada burung tempua itulah barangkali



dalam hidup saya untuk cepat saya- matang dalam bidang ini, matang bukanlah maksud saya mengatasi kawan-kawan waktu itu, maksudnya matang dalam diri saya sebab waktu itu saya didedahkan dalam pengajian kursus dan saya bergerak dan berkawan disitulah tempat saya hisap rokok. Bagaimana tujuh puluhan [70an] saya merokok tetapi bila saya temu saudara Hisham [sahabat sealiran beliau], saya pergi rumah dia dan kerja dia memang menulis, pendapatan dia memang menulis dan dia tidak merokok maka tidak semestinya berkarya itu mesti merokok. Jadi saya berhenti merokok. Jadi saya melihat sendiri adalah lebih baik daripada mendengar walaupun ianya agak susah.

**NA** : **Mungkin pak cik boleh kongsi nama pena pak cik dan bagaimana ia diperoleh dan adakah nama pena itu kekal sehingga ke hari ini?**

**EAHY** : Okay [baiklah]. Nama pena saya hanis i.l.y. tu [itu] saya \_\_. Saya sebagaimana remaja-remaja biasa juga, yang mendorong kita untuk berkarya sebenarnya ialah kita harus bercinta. Kalau kamu takut bercinta kamu- - -. Ia diakui oleh beberapa orang lah [tabiat percakapan] termasuk- Pak Samad [A. Samad Said, sasterawan negara] dan sebagainya. Bercinta tu [itu] luas- cinta pada agama, pada ibu bapa dan diri kita sendiri (bunyi telefon) tapi salah seorang yang saya cinta itu namanya Hanisah. Jadi Hanisah itu saya gabungkan nama hanis- i.l.y tu [itu] *I love you* [english, saya cintakan awak] (ketawa). Jadi itu lah [tabiat percakapan], itu rahsia diri saya lah [tabiat percakapan]. Jadi nama itupun saya guna untuk- email saya hanisily@yahoo.com. Tapi isteri saya tak [tidak]

apa dia tak[tidak] kisah, tapi itu lah[tabiat percakapan] rahsianya (ketawa) dan sekarang ini dia masih wujud, tapi tak [tidak] tahu lah[tabiat percakapan] dia tahu tak [tidak] saya cinta dia (ketawa). Itulah, kadang-kadang benda tu [itu] ada betulnya.

**NA : Bagaimana dengan nama Cempakasari?**

**EAHY : Cempaka tu [itu] adalah dari nama kampung Cempaka.**

**NA : Melalui maklumat yang kami perolehi, pak cik mempunyai pekerjaan lain selain daripada menulis. Apakah pekerjaan tersebut? (bayi menangis)**

**EAHY : Yelah [betul]. Saya sebagai pentadbir lah[tabiat percakapan] bahagian pertanian. Saya pencari fail sahaja. Jadi saya kata dah [sudah] tadi, tidak menyentuh langsung dengan bidang (bayi menangis) saya lah[tabiat percakapan]. Tetapi saya nak [hendak] maklum pada \_\_sastera negara,\_\_ dan sebagainya tak [tidak] kiralah sapa-sapa [siapa-siapa] semua akan\_dalam\_dengan bidang.**

**NA : Bagaimana pak cik membahagikan masa antara dua perkerjaan tersebut?**

**EAHY : Masa- saya tidur paling lewat lah[tabiat percakapan]. Pukul dua atau tiga pagi saya berjaga, siang saya bekerja. Sebenarnya, kita harus bijak menyusun perancangan. Itu penting, sangat-sangat penting. Dan sekarang pun kerja pun terlalu banyak nak [hendak] buat, tapi saya terpaksa hadapi lah[tabiat percakapan] sebab dalam sebuah organisasi, kita ada unit-unit, biro-biro dan**

sebagainya. Itu kena [harus] pandai-, sebenarnya kalau nak [hendak] seribu daya, tak [tidak] nak [hendak] seribu dalih. Masa tu [itu] sama saja, dimanamana kita tuju, tetapi apa yang boleh membantu kita selain daripada kita berdoa-itulah kesempatan-kesempatan itu hak kita kena [harus] ambil dan kita selalu kena ada catatan lah [tabiat percakapan] untuk- - -dan biasanya untuk menyiapkan benda tu [itu] ada\_\_.

**NA** : Apakah sumber inspirasi pak cik dalam menghasilkan karya?

**EAHY** : Sebenarnya untuk membuktikan kita pernah hidup dan karya itu ada ialah batuanisan kita. Kita akan meninggal. Untuk tinggal khazanah-khazanah ini untuk dikongsikan oleh- khalayak terutama sekali yang menilai dan mengenal\_\_itu sekadar budaya. Maka itulah tanggungjawab dan agama Islam sendiri pun sudah meletakkan tanggungjawab seorang penulis itu sebagai suatu tanggungjawab besar. Manuskrip-manuskrip karya yang ditafsirkan itu menjadi bahan khazanah, sejarah untuk didekati bangsa-bangsa. Sebagaimana yang tak [tidak] terduga oleh sajak saya\_\_pengalaman saya naik bas waktu itu dan\_\_dan dinyanyikan dan ada seorang budak- Mira, kalau adik-adik tekan youtube [laman web video] Mira ataupun\_\_tengoklah dia ada\_\_\_. Jadi benda yang kita hasilkan mungkin ada pengkaji ataupun pemerhati.

**NA** : Apakah antara cabaran yang pak cik lalui sepanjang bergelar penulis?

**EAHY** : Cabaran itu lah[tabiat percakapan] masa. Masa- saya seperti dengan anak sulung

saya tu [itu], saya tak [tidak] banyak bersama dia. Kalau macam latihan drama, itu saya kena [harus] bekorban masa dan saya selalu tidak banyak berada di rumah. Selalu tidak kira masa saya keluar rumah. Malam pukul satu lebih tu [itu] saya masih di- Pantai Permai iaitu satu tempat perkelahan. Saya balik ke sana malam, dan kebanyakkan saya tidak- - -. Itulah waktu pengorbanannya, tak [tidak] boleh kita tetapkan masa untuk rehat dan sebagainya lah[tabiat percakapan]. Tak [tidak] boleh.

**NA** : **Mungkin pak cik ada teknik-teknik tersendiri bagi mengolah cerita untuk sesuatu karya?**

**EAHY** : Kita kena [harus] tengok tema itu sesuai untuk apa, mungkin daripada puisi dia boleh jadi cerpen, daripada cerpen boleh jadikan drama, bergantung kepada apa yang sesuai, apa yang mampu kita olahny. Okay [baiklah]. Ilmu batu itu amat penting iaitu apa aliran kehidupan kita, kalau kita ni [ini] minat agama atau minat apa, apa dia yang boleh membantu kita. Ilmu batu itu luas lah[tabiat percakapan]. Katalah adik-adik ni [ini] belajar bidang apa-apa lalu minat penulisan, lalu waktu itu lah[tabiat percakapan] ilmu batu kita membantu kita, seperti mana Monalisa [lukisan gambar seorang perempuan oleh pelukis terkenal, Leonardo Da Vinci] yang dilukis oleh pelukisnya (orang luar bercakap). Ilmu batu itu ilmu sains berguna bagaimana untuk kita lihat tiga dimensi wajah gambar Monalisa sedang senyum. Jadi dia orang [mereka]\_ \_  
\_pada tubuh kita itu, ilmu sains tu [itu] membuatkan dia batu untuk ilmu cipta

Monalisa. Itu maksud saya ilmu batu dan kecenderungan kita, minat kita apa yang\_\_dan secara sedar atau tidak sedar benda tu [itu] boleh membantu kita lah[tabiat percakapan].

**NA** : Okay [baiklah], apakah antara genre-genre karya yang pak cik hasilkan?

**EAHY** : Sajak, cerpen, drama, novel remaja, kanak-kanak, drama radio, drama TV [televisyen] dan apa saja lah [sahaja] termasuk berlakon teater dan sebagainya. Semua orang saya\_\_\_\_\_. Sajak sastera bagi saya tidak apa, saya serba sedikit--.

**NA** : Mungkin pak cik boleh kongsikan tajuk-tajuk karya itu?

**EAHY** : Tajuk-tajuk karya itukan- okay [baiklah] saya\_kejap ye. (beliau sedang melihat komputer riba). Okay [baiklah],- kalau buku, ini tahun pertama saya menghasilkan ialah Tribulasi, puisi berunsur Islam lah[tabiat percakapan] anjuran PUSPA serta penulis Pasir Puteh tahun sembilan belas lapan puluh empat (1984), Nyanyian Wau dan Burung Tempua di GAPENA tahun sembilan belas lapan puluh enam [1986], Bunga Pusaka Bangsa itu sajak-sajak lah[tabiat percakapan], sajak-sajaknya tu [itu] banyak lah adik-adik boleh tengok sendirilah, dan kalau buku- apakah saya perlu sebut satu persatu?

**NA** : Mungkin sedikit je [sahaja] daripada itu?

**EAHY** : Okay [baiklah], kalau itu sajak, kalau - cerpen ada dua tiga buah yang menang

hadiah dan .kalau monodrama seperti persembahan Pulau-Pulau dan yang terbaru ialah Tali-Tali- esei yang saya menang hadiah Kampung Laut: Gerbang Timur Tamadun Melayu, piala ada disana hujung sebelah sana tu [itu] atas sekali tu [itu][beliau menunjuk ke arah almari] dan Penulis Artikel Pelancongan Terbaik Malaysia tahun dua ribu tiga [2003] (Kategori Bahasa Melayu), Anugerah Pelancongan Malaysia tahun dua ribu tiga [2003]. Kumpulan Puisi Tribulasi Dalam Diam di Dewan Bahasa tahun dua ribu tiga [2003], kumpulan cerpen- - -. Dia kumpulan ni [ini] yang bahan kita kumpul lah[tabiat percakapan], kalau antologi ni [ini]- ramai-ramai. Kalau kumpulan ni [ini] kita seorang lah[tabiat percakapan]. Tali-Tali tahun dua ribu empat [2004],- saya penulis Ensiklopedia serta mempermudah cerita rakyat. Itulah drama-drama yang saya ceburi dan saya terlibat dengan PLKN [Program Latihan Khidmat Negara] dalam Program penghayatan Sastera dan Budaya bermula tahun dua ribu lima [2005] hingga sekarang lah[tabiat percakapan]-. Okay [baiklah] dan itu sajalah [sahaja]. Karya terbaru- Carilah-Cari. In Sha Allah, terbit tahun ni [ini] akan siap.

**NA** : Adakah karya pak cik ada yang diterbitkan dalam buku?

**EAHY** : Yelah [mengiakan]. Buku dan karya-karya tadi adalah dari kumpulan cerpen dan kumpulan bersama tu [itu] banyak lah[tabiat percakapan].

**NA : Kalau sajak-sajak tu [itu] pun ada jugak?**

**EAHY :** Kalau sajak-sajak tu [itu] ada juga lah[tabiat percakapan]. Yang sajak Dalam Diam tu [itu] yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun dua ribu tiga [2003- antologi, kumpulan cerpen dua ribu empat [2004] Tali-Tali. Benda-benda tu [itu] ada dan boleh lah tengok dan ambik [ambil] gambar lah[tabiat percakapan].

**NA : Adakah pak cik turut menulis karya bagi syarikat penerbitan yang berbeza?**

**EAHY :** Ha'ah [mengiakan], karya-karya saya diterbit dalam pelbagai media lah[tabiat percakapan]. Contohnya adalah seperti Dewan Sastera dan Budaya, Dewan Masyarakat, Mingguan Malaysia, Berita Minggu, Utusan Melayu, Jendela Timur. Berbeza-beza syarikat terbitan lah[tabiat percakapan] dan berbagai-bagai tempat lah[tabiat percakapan] dan ada juga akan disiarkan di *mass media* (media massa) dan radio lah[tabiat percakapan].

**NA : Antara karya yang dipaparkan di dalam radio? (bayi menangis)**

**EAHY :** Tu [itu] banyak lah[tabiat percakapan], kalau drama-drama kan banyak lah[tabiat percakapan], Cetusan Ummah ke.

**NA : Pak cik guna radio apa tu?**

**EAHY :** Radio Malaysia Kelantan [salah satu radio tempatan] lah[tabiat percakapan].

**NA : Selalunya berapa lama pak cik ambil masa untuk siapkan sesuatu karya?**

**EAHY :** Ha tu [itu] bergantung kepada lama- - - apa ni [ini] bila lengkap bahan kita lah[tabiat percakapan]. Bila lengkap bahan kita tak [tidak] lama tapi kadang-kadang untuk proses tu [itu] terlalu lama lah[tabiat percakapan]. Iya [mengiakan], betul lah[tabiat percakapan], kadang-kadang berapa kali kita pinda kita ubah, itu bergantung kepada ketekunan kita lah[tabiat percakapan]. Kena betul-betul tekun lah[tabiat percakapan], kena pandai-pandai membahagi lah[tabiat percakapan].

**NA : Antara karya yang paling lama pak cik ambil masa nak siapkan?**

**EAHY :** Susah jugak[juga]. Kalau Dalam Diam itu sendiri sudah tujuh [7] tahun Dewan Bahasa ambil masa untuk proses. Saya mengambil masa sekejap saja. Orang yang ambil masa untuk menerbitkan itu terlalu lama, macam yang terbaru ini hampir empat [4] tahun juga lah[tabiat percakapan], Carilah Cari, empat [4] tahun dia [merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka] proses. Itu berkaitan dengan birokrasi, jadi kita tak [tidak] boleh nak elak lah[tabiat percakapan]. Kalau kita sendiri senang lah[tabiat percakapan], kita sendiri siap-siap hantar. Macam kami terbitkan Bukan Menari Di Pentas Guru hampir sebulan. Kita ambil, kita maklum saja pada surat khoba [surat khabar] apa yang berlaku di Lahad Datu \_\_\_ dan sekarang ini kan ada sistem POD [*print on demand*], dan di hantar terus kepada penerbitan. Kita sekarang mudah, ada internet kan, tulis



lengkap teknik dan dia akan terbitkan . Tapi kalau Dewan Bahasa ni [ini] dia kena ada panel luar, dia kena jaga tatabahasa dan sebagainya, kena tengok isu-isu apa dalam tu [itu] sebab tu [itu] kadang-kadang Dewan Bahasa[Dewan Bahasa dan Pustaka] tidak ada masalah lah[tabiat percakapan]. Kalau yang pitisan-pitisan ataupun yang berbagai-bagai lah[tabiat percakapan], novel-novel itu kadang-kadang tidak sempurna pun sebagai sebuah novel, hanya sebuah cerita sahaja.

**NA : Apakah persediaan awal yang pak cik lakukan setelah mendapat idea mengenai sesuatu karya?**

**EAHY :** Okay[baiklah], pertama sekali kita kumpul bahan, lengkap bahan yang kita nak[hendak], kita kena cari kesan keterharuan. Kalau persembahan itu kita kena tengok kesan kekaguman. Keterharuan itu amat penting dan falsafah-falsafah yang kita nak gunakan dan kalau kita terganggu dimana-mana, kita simpan dulu, kalau disamping kita pergi ke mana-mana pun, fikiran kita masih mencari isea lah[tabiat percakapan]. Bila dapat tu [itu] saja, kita terus proses lah[tabiat percakapan]. Proses dia ialah waktu yang sangat sunyi terutama sekali sebelah malam lah[tabiat percakapan]. Diwaktu itu amat penting kerana sunyi itu amat penting untuk menyelesaikan [merujuk kepada idea penulisan].

**NA : Macam mana pak cik memberi kelainan dalam karya pak cik?**

**EAHY :** Kelainan tu [itu] kita jangan gunakan perkataan sama, sudah jadi cliché [biasa

dengar]. Kita kena ada buku data iaitu saya bagi istilah saya ialah bank data, dimana kita simpan kata-kata yang kita nak gunakan lah[tabiat percakapan]. Setelah kita guna ayat-ayat itu terutama sekali metafora tu [itu], kita kena tahu sendiri lah[tabiat percakapan] dan kita kena cepat merampas perasaan khalayak yang sepatutnya yang membaca karya kita dan kita kena tahu lah[tabiat percakapan] dan kita jangan guna perkataan yang sama acap kali lah[tabiat percakapan] sebab- masalahnya bila kita nak kumpulkan jadi satu buku, orang akan tengok ada benda yang sama. Macam cerita pun- alur tu [itu] berbeza-beza lah[tabiat percakapan] dan teknik kita kena ubah sebab cerita itu sendiri cukup kronik, dalam hidup kita cerita tu [itu] tak [tidak] sama walaupun manusia melihat sama. Jadi sudut mana yang kita nak [hendak] ambil untuk menyiapkan karya itu, kita kena awas dengan benda itu lah[tabiat percakapan]. Yang penting apa saja yang kita lahirkan, siapa, bila, kenapa, bagaimana. Kalau ikut bahasa Inggerisnya empat W satu H (4W1H). Apa saja tidak kira rencana, sajak, cerpen dan novel perkara itu amat penting sekali.

**NA : Apakah karya yang paling mendapat sambutan dikalangan pembaca?**

**EAHY :** Oh, itu saya tak [tidak] tahu lah[tabiat percakapan]. Kalau benda tu [itu] saya tak [tidak] perasan lah[tabiat percakapan]. Tapi kalau pada diri saya sendiri, ada beberapa sajak lah[tabiat percakapan] yang menyentuh perasaan saya, jadi antaranya- sajak itu ada di Dewan Sastera lah[tabiat percakapan], ada dalam buku yang bakal diterbitkan Di Tepi Jendela Waktu Sebelum Berpisah. Itu yang

saya bayangkan di mana detik-detik ibu dan ayah saya berpisah, saya rakamkan puisi itu dan Burung Tempua itu adalah satu sajak untuk memberi, menterapkan diri saya lah[tabiat percakapan]. Kalau tidak boleh memberi kesan kepada orang lain saya tidak tahu lah[tabiat percakapan] sebab saya bayangkan burung itu adalah burung yang paling cerdik di dalam dunia, kerana gigih dan beraninya dia. Saya tidak tahu, sewaktu saya menulis, dari mana perkataan saya dapat, saya masukkan dalam sajak itu iaitu burung itu adalah mengajar kita menjadi seorang yang berani. Keberanian itu amat penting dalam hidup.

**NA : Apakah karya yang terkini yang pak cik hasilkan?**

**EAHY :** Yang terkini kalau tidak silap saya cerpen Airmata Cinta, saya garapkan mengenai pergolakan dunia Islam yang berlaku sekembalinya saya daripada Mesir [negara Arab] pada dua tahun lepas, saya pergi kat [dekat] Pyramid dan saya tengok kesan bangunan terbakar semasa rusuhan di Mesir. Sekembali dari situ, saya duduk ditempat ini [merujuk kepada tempat beliau menghasilkan karya], dan pada jam satu pagi saya dapat bayangkan, jadi saya terus berkarya dan cerpen itu ada di dalam Dewan Sastera, Airmata Cinta. Sajak pun saya dapat di Mesir iaitu Bumi Manusia. Saya tutup Bumi Manusia itu dengan kumpulan karya saya yang bakal terbit tu [itu] dengan sajak di Mesir.

**NH : Adakah pak cik juga menggembara ataupun melancong untuk mendapatkan idea di dalam penulisan?**

**EAHY :** Mesti, pesanan daripada A. Samad Said [sasterawan negara], kalau nak jadi penulis kena ada 3M sebab saya- - -. Satu menulis, M kedua membaca, M ketiga menggembara. Menggembara itu tidak semestinya kita pergi jauh, kamu datang sini pun sudah menggembara. Menggembara ada dua sudut, keluar daripada jiwa kita, kepompong yang mengekang jiwa kita itu yang mana kita rasa ada sesuatu benda, kita keluar dan akhirnya kita cari. Membaca pun luas maksud dia, membaca itu membaca dengan fikiran, membaca dengan perasaan, membaca isyarat-isyarat, membaca cuaca, membaca alam, membaca semuanya, luas membaca. Menulis tu [itu] menulis lah[tabiat percakapan], mesti menulis. Kalau tak mahir dengan komputer- tapi yang penting mesti ada buku catatan, tulisan tangan itu amat berharga. Pak Samad[sasterawan negara] sendiri menyimpan hasil catatan tangan dia di simpan di bank.

**NH : Antara tempat yang encik selalu pergi untuk menggembara mendapatkan ilham?**

**EAHY :** Saya daripada kecil dulu lagi saya selalu pergi ke pantai sebab rumah saya di Panchor dengan Pantai Sabak tak [tidak] jauh. Hah, itu lah[tabiat percakapan] saya berkenal dengan kumpulan penulis pertama di Pantai Sabak. Jadi, tempat yang paling saya minat ialah pantai.- Itu lah[tabiat percakapan],- kalau tempat dimana saja kita pergi, hampir sama saja[sahaja].

**NA** : Selain dari bidang penulisan apakah bakat lain yang orang lain tidak tahu?

**EAHY** : Saya deklamasi sajak, saya deklamasi dan saya berlakon lah[tabiat percakapan]. Berlakon tu watak saya tak [tidak] penting, tetapi apa yang teruja pada diri saya dalam ini pun saya sudah rakamkan lah[tabiat percakapan] [merujuk ke buku Dewan Sastera]. Pada tahun sembilan belas tujuh puluh tiga [1973], saya sempat bersalam dengan P.Ramlee[seniman negara], saya dapatkan tandatangan dia dan salah satu kertas yang saya bawa ke Stadium Sultan Muhammad ke IV[Sultan Kelantan], artis-artis ada diwaktu itu. Waktu kita berpindah rumah, kertas tu [itu] hilang- tapi jiwa saya tidak kecewa lah[tabiat percakapan]. Itu lah[tabiat percakapan] antara pahit manis lah[tabiat percakapan]. Tandatangan P.Ramlee (seniman negara), tandatangan S.O.Hani,- tandatangan pemain apa nama- A.Razak [seniman negara], Jamil Sulong [seniman negara] , Hussin Abu Hassan [seniman negara] dan banyak lah[tabiat percakapan] satu kertas tu [itu] kiri kanan tu [itu] penuh dengan tandatangan sampai sekarang tak [tidak] tahu di mana. Daripada situ saya buat satu buku dokumentasi dokumentari untuk saya, saya dapatkan tandatangan tokoh-tokoh. Tapi pahit juga saya,waktu itu saya tak [tidak] ambil tandatangan ayah saya. Itu lah[tabiat percakapan], kalau adik-adik nak mulakan, kena ingat lah[tabiat percakapan] tapi saya tahu kenapa nama saya Abdul Hadi[pendakwah dan penulis kitab agama Islam] daripada arwah ibu saya. Saya tanya dia kenapa nama saya Abdul Hadi [pendakwah dan penulis kitab agama Islam], sebab waktu dia mengandungkan saya dia baca kitab tu [itu]

ditulis oleh Abdul Hadi[pendakwah dan penulis kitab agama Islam]. Saya pun tak [tidak] tanya Abdul Hadi bin apa lah[tabiat percakapan]. Jadi, maka dia tersimpan dalam perasaan dia lah[tabiat percakapan] untuk namakan saya ni [ini] Abdul Hadi. Ayah saya nak bubuh [letak] namakan saya Muhammad Kamil tapi sesudah saya lahir ayah saya tiada di rumah, ayah saya hantar mancis lah[tabiat percakapan], dia kerja dengan mancis cap Lada[jenama batang mancis] tu [itu] yang kilangnya di Kota Bharu[daerah di negeri Kelantan. Dulu KL[Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia] jauh,seminggu dalam perjalanan tu [itu] iaitu perjalanan pergi dan balik. Jadi waktu itu lah[tabiat percakapan] saya dilahirkan. Jadi, nama saya selamat lah [tabiat percakapan] Abdul Hadi.

**NA : Pak cik pernah menjuarai pertandingan puisi, dari mana dan siapakah yang mengajar dan menjadi mentor pak cik?**

**EAHY :** Okay[baiklah]. Kawan-kawan kami semua adalah musuh dan kawan-kawan kami semua adalah kawan. Belajar bersama- yang mendorong saya itu Aziz S.M[sahabat sealiran beliau] lah[tabiat percakapan], orang teater\_\_ \_\_tu [itu]\_\_ \_\_orang teater lah [tabiat percakapan], Mustafa Jusoh[sahabat sealiran beliau] dan semua-semua lah[tabiat percakapan], waktu itu kami berlatih di gelanggang seni lah[tabiat percakapan], gelanggang seni Kota Bharu dan- waktu itu kami tidak ada panduan sebenarnya, pada sekitar tahun sembilan belas lapan puluh tujuh [1987]. Bermulanya sayembara puisi merdeka dan berbagai puisi telah dipertandingkan dan sekarang ini saya belajar melalui kekalahan lah[tabiat

percakapan]. Bila kita kalah, bila kita tak [tidak] menang, pengadil bagi komen lah[tabiat percakapan]. Daripada situ kita belajar lagi lama tuh [itu] baru kita tahu teknik-teknik. Sebab kami yang pelopor tu [itu] lah[tabiat percakapan], yang memulakan itu, maka generasi yang akan di- - -. Saya telah mengorbankan diri saya banyak dah [sudah], setahun mungkin tiga kali saya ke Pattani[salah sebuah bandar di negara Thailand], masa tu [itu] lah[tabiat percakapan] saya dijemput untuk jadi pengadil dan saya tengok disana amat ketinggalan lah[tabiat percakapan], dia baca sajak amat berbeza lah[tabiat percakapan], jadi kami adakan bengkel lah[tabiat percakapan] untuk bimbing masyarakat di Pattani. Jadi, sekitar tahun dua ribu [2000] hingga dua ribu tiga [2003], setelah bergolak yang amat sangat, jadi kami tak [tidak] berani lah[tabiat percakapan]. Itupun kumpulan dia datang di sini dan sepuluh [10] haribulan ini sepatutnya kami kena pergi ke Universiti Songkhla[salah sebuah universiti di negara Thailand]- di Pattani tapi tak [tidak] dapat pergi lah[tabiat percakapan] sepuluh [10] haribulan ni [ini] sebab saya kena pergi ke Mesyuarat Agong PENA[Persatuan Penulis Nasional]- di Kuala Lumpur[ibu negara Malaysia].

**NA : Apakah di antara medium yang diguna pakai dalam mencari sesuatu maklumat bagi karya pak cik?**

**EAHY : Luas lah[tabiat percakapan]. Masyarakat dan alam semua, saya daripada menonton- sebab sebuah cerita itu tak [tidak]- - -. Tamatnya sebuah cerita itu sebenarnya bukan tamat cerita itu, cerita itu terus bersambung. Okay[baiklah],**

kalau kita hendak mencari idea- sekejap ye- - -. Se hijau Warna Daun masa sekolah menengah tu [itu] dan ini Dalam Diam\_ \_ \_ (azan berkumandang), kalau bahasa arab apa maksudnya\_ \_ . Biodata saya belakang tu [itu], saya lahir kampung Panchor lah [tabiat percakapan]. Tu [itu] gambar saya tu [itu] (azan berkumandang). Ini isteri saya punya yang Dengarlah Insan tu [itu] namanya Meriam Awang Lah [isteri beliau].- ini cerpen Air Mata Cinta yang saya kata tu [itu] topik terbaru pada- Dewan Sastera- Februari tahun dua ribu empat belas (2/2014). Dia sebulan sekali nih [ini] (azan berkumandang), mana cerpen dia (menyelak buku Dewan Sastera),- Air Mata Cinta ini saya kaitkan dengan bumi-bumi. Di lapan puluh satu [81][merujuk kepada muka surat buku Dewan Sastera], ha ni [ini] Air Mata Cinta.(azan berkumandang).- Ini yang sedang diproses oleh DBP[Dewan Bahasa dan Pustaka] tuh [itu]. Ini manuskrip dia lah [tabiat percakapan]. Ha, sedang proses lah [tabiat percakapan] tahun ini (menyelak kertas) ini akan siap. Saya hantar lama dah [sudah], saya proses ni [ini] (menyelak kertas), saya proses ni [ini] (menyelak kertas) semua ini puisi-puisi tersiar, (menyelak kertas), yang saya dah siar, saya hantar ni [ini] pada tahun berapa,- lama eh[juga], tahun (orang luar bercakap) dua ribu sembilan [2009] lagi saya proses, cukup lama- (menyelak kertas) saya tutup dengan- Dunia Manusia. Dunia Manusia ni [ini], masa di Mesir [Negara Arab] tu [itu] saya, dua puluh sembilan [29] Syaaban [bulan Islam], dua belas tiga puluh tiga [1233 tahun Islam], dua belas tiga puluh empat [1234 tahun Islam], dua belas tiga puluh lima [1235 tahun Islam], masa tu [itu] dua [2] tahun lah [beliau



berada di negara Mesir]. Dunia Manusia bukan Bumi Manusia. (azan berkumandang). (menyelak kertas). Ini puisi tahun dua ribu tiga belas [2013]- mengenai kemanusiaan lah[tabiat percakapan] dimuka surat lima puluh enam [56][ merujuk kepada halaman muka surat buku]. Okay [baiklah], Lelaki Yang Berjalan [tajuk sajak beliau]. Lelaki yang berjalan ini, mungkin- adik-adik perase [perasan] tengok dia selalu-selalu berjalan di Kota Bharu[bandar di negeri Kelantan], dia ada mace [macam] sarung tangan kat [dekat] kaki dia atau dia balut tangan dia, sentiasa berjalan, kadang-kadang saya terjumpa Pasir Mas[daerah di negeri Kelantan]. Kadang-kadang saya jumpa di Kota Bharu [daerah di negeri Kelantan]. Saya selalu jumpa dia, jadi saya tengok dia, tapi saya tengok saja lah[tabiat percakapan], saya akan- nampak dia tu [itu] satu kelainan lah[tabiat percakapan]. Jadi, saya pun menjadikan karya kreatif sebenarnya adalah dengan adunan daripada realiti dengan imaginasi. Sebab apa peratus realiti, berapa peratus imaginasi bergantung kepada kita lah, jadi saya bayangkan dia ni [ini], dia tak [tidak] pakai selempang Palestine Gaza tapi saya bayangkan dia berjalan tu [itu] mencari satu benda lah, ha jadi saya pun tulis sajaklah. Ha, tu [itu] Lelaki Yang Berjalan. Kalau ransang medium kita tak [tidak] tentulah, kadang-kadang benda tu [itu]- kita sedang mencarinya, kita temui benda tu [itu] mungkin boleh membantu kita. Itu sajalah.

**NA** : **Ok. Apakah ada di antara anak-anak pakcik yang mengikut jejak langkah pakcik dalam bidang ini?**

**EAHY** : Itulah, yang ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] itu, sebelum pada ASWARA dipanggil Akademi Seni Kebangsaan. Bermula tahun seribu sembilan ratus sembilan puluh satu [1991] sembilan belas sembilan puluh dua [1992] dia ambil Diploma. Pengambilan untuk selepas pada itu bermula pada tahun dua ribu berapa tu untuk ijazah, jadi anak saya tu dia tak mahu lah [tabiat percakapan]. Saya kata belajarlah di ASWARA, jadi dia terus lah dalam penulisan, sekarang di Dewan Bahasa [Dewan Bahasa dan Pustaka] lah [tabiat percakapan]. Jadi, nak [hendak] kata dia teruskan jugak pun tak boleh juga key [kan], dia sorang [seorang] perempuan, melahirkan anak, keje [kerja] jauh, masalah kekangan masa sebenarnya. Isteri saya pun menulis. Begitulah, susah juga tapi nak kata dia tak menulis dia menulis juga lah [tabiat percakapan].

**NA** : **Apakah ada di antara karya yang anak pakcik hasilkan?**

**THH** : Ada-ada. Dalam buku yang saya kata tadi, buku itu cetakan terhad maka karya Di Pentas Guru tu [itu], cerpen-cerpen terbaru- - -. Ini anatalogi cerpen yang diterbitkan oleh pasukan penulis Kelantan, kami bawa pergi ke Sabah [sebuah negeri di Malaysia] dan ini edisi kedua [2] [merujuk kepada buku tulisan beliau] sudah habis sebab kita cetak lima puluh [5 buah] sahaja di Kuala Lumpur [ibu negara Malaysia]. Ini nama anak saya [merujuk kepada buku karya anak beliau]

lah[tabiat percakapan], namanya Siti Rabiatal Adawiyah Abdul Hadi, ini karya dia. Yang Saadon [hasil karya beliau] ini antologi kami yang pertama\_ terbitlah antaranya isteri saya pun menulis, adalah yang Janji Juwita[hasil karya isteri beliau] tu [itu], Meniti Saadon dan anak saya tu [itu], Siti Rabiatal Adawiyah- - - . Ini karya terbaru lah namanya Meracik Takdir muka surat seratus tiga puluh satu [131]. Itu sajak dan cerpen lah[tabiat percakapan], emak dia pun ada cerita, cerpen- - -Hah, sebenarnya kalau kita berani lah [tabiat percakapan] kita boleh buat satu pejabat, kita terus berkarya lah kita buat satu jabatan menghantarkan karya dan sekarang zaman internet sudah ada kan, boleh hasil, boleh duit takda [tiada] masalah. Bahannya kita kena membaca. Sebagai contoh, bukan susah nak jadi penulis, kalau kamu tak dapat nak tulis cerpen tapi kamu usaha nak tulis cerpen, kamu belajar kamu usaha kamu baca buku kamu tulis apa saja dan sewaktu tu [itu] kamu mengarang lah, siap sebuah cerita. Bagaimana tak tahu nak menulis cerpen, kamu bagi tahu kamu tak boleh nak menulis cerpen jadi siap sebuah cerpen. Mudah key[kan]?. Apa yang kamu alami sekarang kamu boeh buat jadi bentuk novel. Kamu lahirkan watak-watak, tulis apa saja akhirnya siap sebuah novel. Jadi kenapa kita tak buat, mungkin sebab kita tak tahu atau tak minat. Ok, nak[hendak] dapat idea sekarang saya baca, saya bukan tiru ok- - -.Saya baca sajak siapa contohnya, ok saya baca sajak Abu Razak Osman [rakan sealiran beliau][tokoh mula bersajak]

Lembut tangan kanan

Buat \_\_

Habis-habis baca cerita ni[in], habis satu tugas. Kamu mesti dapat satu tanggapan dan kamu luahkan tanggapan kamu dalam bentuk sajak, siap sebuah sajak. Dari segi nilai, estetika ataupun tahap atau semua jangan fikir. Itu soal politik, kita melahirkan, cuma nak atau tidak. Itu yang penting, lagi awak baca surat khabar, berita macam mana, habis berita tu [itu], awak boleh sambung berita tu [itu]. Katalah cerita remaja lari dari rumah, dia masalah dengan keluarga dia, dia pun lari habis cerita. Betul berlaku, kamu jadikan cerita ni [ini], ubahsui balik, sambung balik cerita dia tu [itu]. Itu dia kreatif tapi kamu nak siapkan nak campur semua-semua ni [ini] kena banyak idea. Idea itu minda dimana ialah membaca, kalau kita tak banyak membaca, macam mana kita nak semua tak dapat. Baca tu [itu] penting\_\_\_\_\_. Menuntut ilmu sampai ke negeri China[sebuah negara di Asia], sampai tu dalam inverted comma. Kalau kita sampai negeri China[sebuah negara di Asia] tapi tak berjumpa lagi tak sampai juga. Kalau kita sudah sampai negeri China[sebuah negara di Asia],sini China[sebuah negara di Asia] banyak dah tapi kalau lebih-lebih pergi ke negeri China[sebuah negara di Asia]. Bila kita pergi tu [itu] kita rasa suasana alam, keliling semua boleh memberi rangsangan. Macam ini panas, bila hujan datang kita boleh dapat idea yang lain. Kalau pergi suasana salji, mungkin salji itu mengganggu kita, memberi satu gangguan, kita menulis pasal salji tu [itu] pula. Benda semua boleh tulis. Jadi cara nak menghantar karya tu [itu] pula kita kena tahu. Hah,tu [itu] ken baca surat khabar-surat khabar. Hok[yang] nie [ini] , surat khabar Berita Minggu saya nak gini[begini], Utusan Malaysia tak sama, majalah

tak sama. Jadi disini ada satu- - , ibarat berjalan berpeta atau tanpa peta. saya berjalan dulu tanpa peta, saya banyak sesat tapi pengalaman saya luas. Kalau kamu berjalan ada peta nanti nak sampai di sini sudah tentu akan cepat sampai tapi pengalaman sikit dan kurang tapi situ dah pastinya tak [tidak] banyak tempat awak tahu. Jadi semua tu [itu] awak tak rugi tapi nilai dari segi masa mungkin kita sudah lewat lah[tabiat percakapan]. Tapi kita lihat dari sudut lain, kita untung sebab itu nak jadi penulis, apa saja yang berlaku kepada dia, dia tak rugi.

**NA : Ok. Apakah antara kepuasan yang pakcik dapat semasa menulis?**

**EAHY :** Apabila karya kita dinilai lah[tabiat percakapan]. Bila karya kita tersiernya dibuku. Pastu [selepas itu] saya menantikan ianya dibuku tu [itu] dan nak proses berapa kali. *At the end*, [akhir sekali] dia hantar balik kat [dekat] saya kerana ada benda yang tak lengkap, selepas dah [sudah] dinilai semua, seratus dua belas [112] buah semua tu [itu] siap. Jadi macam sajak Aku Yang Kau Burungkan, ia adalah sastera Oktober dua ribu sebelas [10/2011]. Ini tempat saya selalu berehat[merujuk tempat ilham bagi menulis karya Aku Yang Kau Burungkan], malam-malam, disatu kedai tu [itu], dibawah pokok warung itu. Saya dapat idea disini, saya selalu duduk kat (dekat) bawah pokok tu [itu] dan ilham tak[tidak] datang selalu, tapi satu masa saya dapat ilham dimana andainya aku menjadi burung, saya bayangkan saya jadi burung. Jadi pun saya jadi burung lah[tabiat percakapan].

(tokoh mula bersajak)

Aku yang kau burungkan

Meninggalkan utara kenangan

Menuju halaman selatan

Andai ribut datang membadai

Singgahlah aku di timur

Disana padi sedang menguning

Aku bertanya kepada pipit

Tentang tanah sawah kenapa semakin sempit

Lalu mencari jerami dibatang pendang

Buat hampan dan seluruh malam

Sebelum tidur asyiknya ku dengar

Pungguk tekun menukat

Dibawah sinaran rembulan

Aku yang kau burungkan

Terbang lagi ke barat

Ingatlah aku disebuah taman

Ku lihat di sebalik daun

Ulat bersendirian

Tidak seperti semut berarak turun dan naik

Pepohonmu berbuahnya ranum

Rama-rama berbisik kepada kepompong

Aku nampak kupu-kupu dan kumbang

Setianya hanya pada kita

Lelabah pula tiada pilihan

Membina rumah dan menanti rezekinya di jari ranting

Aku yang kau burungkan

Berterima kasih kepada Tuhan

Menjadikan kehidupan ini susah dan senang

Seperti musim\_

Jadi kalau awak tengok saya proses ni [ini], takut awak [awak], saya sipey [simpan] ni [ini], berapa kali saya proses ni [ini], berapa kali ayat jadi gini (begini), jadi saya meletakkan keharuey (keharuan) di mana, nak meletakkan rasa macam mana. Saya mudah terasa sebab kampung tu [itu] kampung saya, sekarang sebab dah [sudah] jadi tempat lain. Jadi itulah pengalame [pengalaman] kita ketika tu [itu]. Jadi apa yang saya tulis tentang bagaimana saya nak [hendak] mendapatkan satu bentuk sajak bersama orang yang tentang pembuangan bayi. Ini saya siapkan sajak ni [ini], dia daley [dalam] teknik membimbing pelajar-pelajar Tunas Muda dua [2] tahun lepas di Bachok[daerah di negeri Kelantan], pelajar-pelajar itu dikumpul oleh PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) dan saya buat meditasi. Salah satu teknik untuk belajar menulis ialah dengan meditasi. Meditasi ialah duduk secara yoga dan tangan mesti betul-betul, mata pejam, empat puluh lima darjah [45°], tenangkan fikiran, pejam mata, kita dengar lapisan bunyi sehinggakan kita dengar sesuatu benda yang tak [tidak]

pernah kita dengar. Senyapkan diri, lepas tu [selepas itu] kita bayangkan ke mana kita pergi. Biasanya kita ada satu orang lah [tabiat percakapan], kalau duduk ramai-ramai cam ni [macam ini], kita bercerita, cerita tu [itu] kamu dengar dan akhir sekali lepas [selepas] cerita tu [itu] buka mata dan jadikan karya. Saya buat ini semua orang menangis, waktu selepas hari Jumaak [Jumaat], sesi yang saya buat adalah pada sebelah petang. \_\_ \_\_ semua, saya baca, dia pejam mata.

(tokoh mula bersajak)

Maafkan aku tuhan

Ingin sekali aku bertanya

Untuk apa berbulan-bulan berada di dalam kandunga,

Ku dengar suara merayu

Minta makan sejenis buah

Aku amati perbualan mereka

Buah itu sangat berharga

Namun tidak ku tahu rasa, rupa dan bau

Sebagaimana aku tidak pernah kenal mereka yang sedang berkata-kata

Rayu si suara halus berkali-kali

Carilah durian tembaga

Walau seulas ingin ku rasa

Suara parau menjawab

Setiap yang bernyawa besi atau keluli



Akan berada dipasaran dengan harga yang tinggi  
Malah bukan mudah untuk mendapatkannya  
Selain terpaksa menunggu musimnya tiba  
Atau kadang-kadang musimnya langsung tiada  
Di kampung ku tinggal tunggul tunggal  
Hanya nama kampung ku saja kampung durian tembaga  
Tiga malam begitu suram selepas aku dilahirkan  
Si suara itu menyeru lagi  
Wahai burung hantu janganlah mengganggu  
Aku dibawah pohon durian tembaga  
Melahirkan anak juga terlalu terlalu ingin makan duriannya yang tiba-tiba  
Kiranya dapat dimaafkan aku ingin tahu tuhan  
Ke mana menghilangnya suara parau itu  
Sehingga suara halus menangis berpesan meminta dan merayu kepada burung  
hantu  
Aku pula dengar ada suara bertanya  
Anak siapakah ini  
Sungguh comel dan manja  
Di perdu durian tembaga  
Digigit lalat dan nyamuk  
Benarlah di sini ada irama  
Alam rimba muziknya beraneka

Ada nyanyian nyamuk ada lagu lalat  
Sejak semalam nyamuk mengamuk  
Dan siang ini lalat mengigit  
Sesungguhnya aku tidak tahu,  
Yang mana lalat yang mana nyamuk  
Yang ku rasa itu beku terlalu gatal dan sakit  
Dan terdengar suara jauh semakin dekat pula  
Riuh dan tersekat-sekat  
Buangkan daun-daun, buang pacak dan ulat  
Dikaki dan di telinganya  
Dimulut dan dimatanya  
Dimana-mana anggota  
Oh Tuhan maaf kiranya dapat ku tahu dimana perginya mereka  
Si suara halus dan parau  
Sehingga muncul suara lain cemas dan rimas  
Kenapakah aku tidak dimakan atau di ratahkan saja dengan lahapnya  
Apakah aku ini sudah dijual dengan harga yang mahal  
Atau sengaja ditinggal\_  
Jadi tiga [3] pihak bercakap, si ibu nak melahirkan anak, si lelaki dan si anak juga  
turut bercerita. Saya nak letakkan dalam bentuk yang berbeza. Dia [merujuk  
kepada pembaca] akan baca dengan cara dia lah [tabiat percakapan].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN**

**NH** : Seterusnya, pada pandangan pakcik apakah perbezaan antara gaya penulis pada zaman dahulu dan juga kini?

**EAHY** : Ok, gaya tetap pada gaya bahasa lah [tabiat percakapan] iaitu cara bahasa yang digunakan. Mungkin penulis dulu-dulu gaya bahasanya berbunga-bunga. Itu bergantung kepada laras bahasa lah [tabiat percakapan]. Kalau kecenderungan dia [merujuk kepada penulis] dalam bentuk apa, maka pengaruh-pengaruh itu telah dimasuki dan diterapkan. Kalau dia tu [itu] minat pantun mungkin puisi-puisinya ke arah pantun dan sebagainya lah [tabiat percakapan]. Gaya bahasa dulu [dahulu] sangat berbeza dengan sekarang lah [tabiat percakapan]. Generasi sekarang bahasa-bahasanya sungguh-sungguh banyak dan pelbagai lah [tabiat percakapan] iaitu hasil daripada bacaan dia yang itu- - -.

**NH** : Apa pula tips daripada pak cik untuk menjadi seorang penulis berbakat dan berwibawa?

**EAHY** : Kena [perlu] banyak membaca, banyak bergaul, berpesatuan dan kena [perlu] wujudkan persaingan bersama kawan sendiri dan kena [perlu] banyak pengetahuan bahasa. Lagi banyak kita dapat menguasai bahasa, lagi banyak kita dapat bahan dan dapatkan lah [tabiat percakapan] buku-buku tak [tidak] kira dengan cara waktu lelong-lelong ke [merujuk kepada pameran]. Saya ada perasan bila ada pesta buku, akan ada buku murah-murah dan baca buku-buku yang banyak memenangi hadiah kerana buku-buku yang telah menang hadiah

telah berjaya melepasi dari segi penghakiman atau di nila [nilai]. Benda yang lain-lain boleh dibaca juga seperti berbagai-bagai buku lah[tabiat percakapan] dan juga buku psikologi. Kamus pun amat penting dan pelbagai jenis lagi bahan bacaan. Pergaulan itu penting dan kena [perlu] tahu nilai sesuatu budaya.

**NA : Bagaimana pula ciri-ciri untuk menjadi seorang penulis?**

**EAHY :** Ok. dia[penulis] perlu membaca dan mencatat. Dan catat itu menurut pesan Pak Samad [sasterawan negara] adalah melalui tiga warna pen iaitu merah, biru atau hitam. Kalau kita mula tulis dengan guna pen warna merah atau hitam, tulisan kedua kita baiki dengan pen warna biru. Tulisan yang kita tulis tu [itu] jangan kita *liquid* [padam], kita bulatkan yang kita tak [tidak] mahu, jadi untuk membaiki yang kali kedua tu [itu] mungkin kita guna pen warna merah. Jadi kita tahu lah[tabiat percakapan] dan seterusnya yang ketiga tu[itu], kita guna pen warna hitam. Sebabnya menulis ni [ini] adalah mempengaruhi masa, kerana setiap karya ni [ini] amat penting. Kalau dengan komputer, kalau hilang atau sebagainya amat memberi kesey [kesan] lah[tabiat percakapan] kepada kita. Bila kita catat di buku, selalu kita nampak dia[merujuk kepada hasil karya] lah dan selalunya disimpan di bank data [buku data]. Ayat-ayat yang metaphor [metafora] tu[itu] kita simpan bila dah tak paka[pakai]. Kemudian kata-kata seperti yang indah-indah tu [itu] jangan banyak sangat diletakkan dalam karya, hanya satu dua sahaja supaya tidak nampak mengada-ada. Itu penting sebab kata-kata susah nak [hendak] dapat.

**NH : Bagaimana pula kalau pandangan pak cik dari segi kualiti penulisan zaman dahulu dan sekarang?**

**EAHY :** Dulu[dahulu] tetap berkualiti, sekarang pun berkualiti. Kalau kita tengok, nilai-nilai karya dia amat bagus dan tulen. Era sekarang dia terlalu gopoh, karya tak [tidak] habis dihasilkan dengan sempurna sudah diterbitkan. Karya dia pada masa dulu [dahulu]- - -.Kalau Azizi Haji Abdullah [penulis tempatan],berapa kali dia olah dan dia turut mengangkat budaya-budaya lain dalam karya dia. Kita orang Melayu banyak hasil karya. Pada orang lain, mungkin dia tidak tahu atau sengaja tidak mengangkat budaya-budaya lain dalam karya dia sebab orang Melayu jujur. Saya beri contohnya Datuk Lat[Datuk Mohammad Nor Khalid,kartunis negara].Ok, kenapa karya kartun-kartun dia[merujuk kepada Datuk Lat] hebat?, ini sebab dia mengangkat budaya-budaya lain dari kartun dia. Maka kartun dia hebat. Jadi kartun-kartun yang lain tak[tidak] angkat pun budaya lain. Jadi kalau kita memahami sesuatu budaya itu amat penting lah[tabiat percakapan].

**NH : Apakah aspek yang perlu diberi penekanan dalam sesebuah penulisan?**

**EAHY :** Watak itu tidak kita hitamkan lah[tabiat percakapan].Watak itu kita putihkan dan ia akan memberi keinsafan. Kalau berlaku apa-apa dalam watak bagi sesuatu karya itu kena berakhir dengan keinsafan lah. Itu adalah penting untuk beri pengajaran.

**NH** : Mungkin pakcik boleh kongsi bayaran yang pernah diterima diawal pembabitan?

**EAHY** : Ok. Sesuatu yang tak [tidak] terduga telah berlaku pada saya iaitu pada tahun dua ribu[2000]. Saya dapat maklumat daripada kawan saya iaitu arwah Mustaffa dimana Sayembara Puisi telah dianjurkan oleh Puteri Pos Malaysia. Puisi itu hendaklah ditulis dan akhirnya kita sendiri akan mendeklamasikannya. Lalu hampir seminggu tarikh tu [itu] nak [hendak] di tutup, saya masuk dan saya dipanggil dan untuk terpilih dalam kumpulan sepuluh [10 orang] untuk bertanding. Maka, saya berada- - - dan saya tidur dalam bilik sembahyang di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama isteri dan anak saya tu [itu]. Tahun dua ribu [2000], pada masa tu [itu] Puan Seri Endon[arwah Puan Seri Endon Mahmood] yang menyampaikan hadiah dan malam itu saya menjadi johan, dan saya tidak tahu bahawa duit itu yang diletakkan dalam atas *frame*[bingkai]- - -. Hadiahnya ialah sijil dan duit. Yang saya tahu TV[televisyen] Haier dan kristal diatas atas sana[menunjukkan piala kristal yang dimenangi beliau]. Saya tengok dalam sampul surat itu ada duit sebanyak dua ribu [RM 2000]. Jadi, kalau saya pergi ke mana-mana tempat yang tak [tidak] berbaloi pada saya, makna Allah Subahanallah Taala[S.W.T.] telah menggantikan dengan sesuatu yang lebih baik jadi saya rasa tidak rugi lah[tabiat percakapan]. Dalam masa beberapa minit je [saja] saya membaca puisi, saya tulis puisi itu pun hampir-hampir dekat nak masuk akhir [merujuk kepada tarikh pertandingan]. Sajak itu Serikandi Bangsa.

Jadi itu benda yang tak [tidak] terduga pada diri saya.

**NH** : **Mungkin pak cik pernah rasa satu tahap dimana pak cik ada rasa kecewa ataupun merasa putus asa dalam nak menulis sesuatu karya?**

**EAHY** : Kalau kita melihat dari segi masa tu [itu] memang tidak cukup sebab saya pun kalau tidak beria, saya tidak banyak memberi masa kepada persatuey [persatuan]. Saya rasa macey [macam]- - -. Bersalah dan derhaka juga saya kepada persatuan penulis tu [itu] sebab saya mengenali ramai kawan atau sebagainya melalui Persatuan Penulis Kelantan lah[tabiat percakapan]. Tapi kalau saya tidak terlibat denga [dengan] berpersatuan, mungkin masa saya banyak lah[tabiat percakapan]. Itu antara saya dan dengey [dengan] rasa berbelah bagi tapi terpaksa juga lah[tabiat percakapan] saya hadapi sebab tugas setiausaha ini amat [amat] berat sebenarnya. Jadi takde [tidak ada] hal lah[tabiat percakapan] tapi sedaya yang boleh lah[tabiat percakapan] akan diusahakan. Kalau patah pendayung dengan jari pun saya teruskan berkayuh perahu itu, yang akan menentukan saya sampai atau tidak ke pulau itu bukan saya, Allah Taala[S.W.T]. Tapi semasa saya diatas perahu itu untuk sampai ke pulau, saya perlu terus mendayung ke pulau. Itu sudah tentu bahawa Allah Taala[S.W.T] yang menentukan sampai atau tidak. Kalau pendayung saya patah, dengan tangan pun saya akan teruskan mendayung ke sana.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: ANUGERAH**

**NH** : Dari segi anugerah,apakah anugerah yang pernah pak cik capai dalam bidang penulisan?

**EAHY** : Anugerah tu [itu] banyak ya (bunyi barang terjatuh di atas lantai). Anugerah ni [ini] pelbagai sebenarnya. Ok, Anugerah Pingat Perangai Baik tahun dua ribu sembilan [2009] Sultan Kelantan [Sultan Ismail Petra], pastu [selepas itu] tercatat nama dalam The Malaysia Book of Record [projek rakyat Malaysia dalam memecahkan rekod negara], membaca puisi dua puluh empat [24] jam di Gong Pulau, GAPENA tahun dua ribu satu [2001] dan mencatat rekod membaca forum kemerdekaan terpanjang selama lima puluh [50] jam. Tak [tidak] silap saya pada waktu itu selepas subuh, saya terlibat dua puluh empat hingga dua puluh enam Ogos dua ribu tujuh [24-26/8/2007], Anugerah Pingat Sastera Terbaik daripada Jalinan Anak Seni Teater dari JASTERA [Jalinan Anak Seni, Teater, Tari dan Sastera]. Male [Malam] Anugerah Jalinan tu [itu] iaitu satu [1] dan dua [2], saya dapat pada baru ni [ini] lah [tabiat percakapan], bulan April dua ribu empat belas [bulan 4/2014], dua ribu satu [2001], dua ribu sebelas [2011] dua ribu empat belas [2014]. Saya juga menerima penghargaan Karyawan Kelantan dua ribu tiga belas [2013] dalam kategori puisi oleh Kerajaan Negeri, menerima penghargaan Penggiat Seni dua ribu tiga belas [2013] oleh Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Kelantan dan menerima Penghargaan Hadiah Kepimpinan Budaya dua ribu tiga belas [2013] Kebudayaan Negeri Kelantan. Itulah dan hadiah-hadiahnya termasuk hadiah



utusey [utusan] lah[tabiat percakapan]. Itu lah antaranya dan puisi Burung Tempua tu [itu] adalah satu anugerah pada saya.

**NH : Apa pula perasaan pak cik apabila menerima anugerah yang sebanyak itu sehingga ke hari ini?**

**EAHY :** Ada satu anugerah yang saya suka sangat lah [tabiat percakapan] apabila saya Johan Peringkat Negeri Kelantan lah [tabiat percakapan] tiga [3] tahun berturut-turut. Hadiah itu ada didalam [merujuk ke tempat simpanan piala] dan pialanya cukup menarik juga lah [tabiat percakapan], ianya satu sejarah bagi saya. Jadi kalau- - -, prasaa [perasaan], rasa bersyukur lah[tabiat percakapan]. Bersyukur kepada Allah Taala[Allah S.W.T]. Maknanya waktu itu gembira lah[tabiat percakapan], pastu [selepas itu] rasa takde gapo [apa] pun.

**NH : Mungkin pak cik sudah berpuas hati dengan apa yang dicapai sehingga ke hari ini?**

**EAHY :** Belum, saya ada konsep saya sendiri dan saya mengkaji P.Ramlee [seniman negara]. Segala maklumat P.Ramlee[seniman negara] saya simpan dan terbuktilah apa yang berlaku. P.Ramlee[seniman negara] tinggal\_ \_ .Saya menyiapkey[menyiapkan] lah[tabiat percakapan] satu novel yang berkonsepkan tiga [3], konsep itu amat unik dalam proses karya saya lah[tabiat percakapan] sebab\_ \_ , saya ada proses karya sebelum ini iaitu Alif Ba Ta. Saya pegey [pegang ] konsep tiga [3]. Kalau cerpen ini[merujuk kepada cerpen tulisan

beliau] saya tulis sebelum pilihanraya dua ribu tiga belas [2013], sebab dalam pemikiran penulis sudah tentu ada Alif Ba Ta itu, dia sudah dapat tafsiran lah. Alif tu [itu] agama, Ba tu [itu] bangsa, Ta tu [itu] tanah air. Jadi Alif Ba Ta ini saya jadikan cerpen lah [tabiat percakapan]. Jadi dengan konsep ini lah [tabiat percakapan] saya akan siapkan novel saya. Tapi novel saya itu tajuknya pun nombor pun tiga [3] lah [tabiat percakapan]. Tiga [3] itu saya rangsangkan hasil daripada Pak Samad [sasterawan negara] lah [tabiat percakapan]. Pak Samad [sasterawan negara] kata, nak jadi penulis kena ada tiga [3] M dan cuma perlu diterbalikkan saja dan saya bayangkan, saya tengok apa saja logo pada mutakhir ini, logo-logo yang hebat semuanya berhuruf M. Jadi, semua saya ini mesti dimasukkan dalam konsep saya, dalam novel saya lah [tabiat percakapan] dan ada seorang penglipur lara lah [tabiat percakapan], seorang tokoh daripada Johor [sebuah negeri di Malaysia] Ali Badrom [penglipur lara] dan saya pernah temui dia. Saya rasa dia ada simpan rahsia-rahsia mengenai ayat yang berkaitan dengan tiga [3] ini. Dia maklum kepada saya (tokoh mula bersajak)

Yang kurik itu kundi

Yang merah itu saga

Yang keras itu takal

Jadi, dia kata dulu-dulu ada perkataan ini

(tokoh mula berpantun)

Yang baik itu budi

Yang indah itu bahasa

Yang cerdas itu akhlak

Jadi saya dapat satu benda yang tiga [3] dan saya akan utarakan lah [tabiat percakapan] dan saya kemukakan serta keluarkan melalui novel. Watak yang mencari itu adalah saya lah [tabiat percakapan], cerpen ini siapa pula, jadi kena susun dengan secara baik menurut konsep itu. Makna, konsep tiga[3] ni [ini], rahsianya cukup banyak dan kenapa perolehi konsep ini seperti Madu Tiga, Tiga Abdul [merujuk kepada karya P.Ramlee] dan sebagainya. Sudah tentu ada rahsianya.

**NH : Adakah dengan pak cik menerima anugerah, ia sedikit sebanyak memotivasikan diri pak cik dalam meneruskan lagi dalam bidang penulisan?**

**EAHY :** Sebenarnya anugerah ini bukan untuk saya saja, tapi untuk orang yang menonton\_ \_\_. Sebenarnya disisi Allah Taala[S.W.T] itu amat berharga, anugerah itu hanya simbolik sahaja. Sebenarnya takde [tiada] apa pun kalau kita johan sewaktu kita bertanding kerana selepas pada tu [itu] tak [tidak] semestinya kita johan. Waktu itu saja cemerlangnya kita. Maka tahun dua ribu [2000] sewaktu saya Johan Puisi tu [itu], kalau saya abai dan saya leka ketika itu, mungkin saya tak [tidak] menang. Waktu itu saya terus bagi satu benda yang cukup kuat lah.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENGHARGAAN**

**NH** : **Jadi dari kacamata pak cik sendiri, adakah program-program yang berbentuk kesenian dan warisan ini dapat memberi impak kepada warisan sesebuah bangsa?**

**EAHY** : Mesti memberi impak yang besar sebab kita buat persembahay [persembahan] dan ada penonton mengkaji kebolehan kita. Betul sangat-sangat tu [itu], sudah tetu ia akan membantu, dia *habluminallah habluminannas* [hubungan sesama manusia] dan kita nak menjayakan sesuatu tu [itu] ia melibatkan semua orang tetapi dalam setiap benda tu [itu] kita kena cari pakar-pakar dia lah [tabiat percakapan]. Kalau teater, *costum* [kostum] tu [itu] ada pakar dia, kalau *lighting* [pencahayaan] ada pakar dia. Pengarah perlu ada satu *skill* [kebolehan],\_ dan dialog pun perlu orang yang pakar. Pastu [selepas itu], kita gabung-gabungkan semua tu [itu] dan cuma satu pengarah yang boeh menjayakannya. Jadi begitulah.

**NH** : **Apa yang pak cik boleh komen mengenai penglibatan muda-mudi dalam aktiviti kesenian?**

**EAHY** : Ok, muda-mudi sekarang dia selalu duduk dengan dia punya gajet (ketuk meja), ia akan membahayakan lah [tabiat percakapan] sangak [sangat]. Kita kena usahakan lah [tabiat percakapan] berkarya, bergaul dan pamerkan bakat yang ada dalam diri kita. Kita tak [tidak] tahu gapo dia [apa] yang ada dalam diri kita sebenarnya. Kalau kita- - -. Pancaindera kita ok, otak kita pun ok kan, jadi suara

dan kebolehan lain tu [itu] guna lah[tabiat percakapan] untuk deklamasi, bersyair, gurindam, bernyanyi ke tak kira lah[tabiat percakapan] dan bakat yang kita ada mesti sesuai dengan masa, usia kita, jadi berkarya tetap berkarya. Ok bagi saya, orang begini memberi impak yang besar kepada tanah air dan kita- - . Orang english, orang Barat, seperti di teater tu [itu] dia bijak. Sebab tu [itu] orang yang menonton teater adalah orang yang cerdas. Orang yang terlibat teater juga orang yang bijak sebab nak hafa[hafal] lagi, nak lakonkan watak nak jadikan suasana hidup, bagaimana menyesuaikan diri, kalau tak bijak dia tak boleh menyesuaikan diri. Ok, maka disini amat penting untuk mendidik dan membina minda. Kalau kita kena buat skrip, kita kena terlibat dengan lakonan, bagi saya lah[tabiat percakapan]. Disitu kita akan rasa bagaimana nak berlakon. Maka akhir sekali kita jadi terlibat sebab kita tahu semua suasana tu [itu][merujuk kepada penjiwaan watak] .Jadi kalau kita tidak lakonkan sendiri kita tak [tidak] mulakan sendiri- - .Tapi untuk dapatkan sijil [merujuk kepada peringkat pelajaran] tu [itu] kita kena belajar lah[tabiat percakapan],kalau di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] tu (itu) banyak lah[tabiat percakapan].Kalau belaja [belajar] pandai, boleh jadi kartunis atau hasilkan animasi. Dunia akan datang, media animasi amat penting, jadi kita boleh bersastera apa lagi berkarya dengan gunakan animasi\_\_macam Upin dan Ipin[cerita animasi oleh Les Copaque, Upin dan Ipin]. Wujudkan satu benda[merujuk kepada animasi] lagi lepas [selepas] dari pada tu [itu]. Satu masa nanti kita boleh jalankan organisasi tu [itu]dan ianya dari keluarga kita sendiri

ke apa ke, meme [memang] akan berjaya. Awak takkan [tidak akan] rugi tapi yang penting modal insan sebagai pendorong awak itu mesti dicari. Dia boleh dibina dan semangat itu penting, tanpa semangat tak [tidak] boleh berjaya. Semangat itu perlu dipupuk di atas kesedaran sendiri dan jangan cepat nak[hendak] naik ke atas, kita kena naik selangkah dulu[dahulu]. Kalau naik terus ke atas, bila[apabila] jatuh ia akan sakit dan kalau bermula dari bawah ianya tidak sesakit daripada terus meraih kejayaan yang terus banyak sekaligus.

**NH** : **Apakah kunci kejayaan yang pak cik ambil kira pengurusan dalam bidang penulisan?**

**EAHY** : Kita belajar dari orang yang berjaya, orang yang tak [tidak] berjaya tu [itu] kita nila [nilai] balik dan kita ukur sendiri. Bila orang tu [itu] berjaya, kita ke depan dan akan tanya dia apakah rahsia-rahsianya. Kalau dia tidak mahu bagi tahu itu terpulang pada dia dan yang penting belajar itu mesti bersama dia, nyatakan terus terang kita ingin belajar, maka kita akan dapat rahsia-rahsianya. Kalau kita nak berguru, kita kenal dia dan dia kenal kita. Kalau kita tahu dia siapa dia dan dia tahu kita siapa, itu baru berguru. Kalau pergi ke masjid-masjid tu [itu], kita dengar mengajar belum tentu kita belajar lagi sebab dia tak kenal kita dan kita tak kenal dia. Ilmu tu [itu] tentu dapat tetapi kalau betul-betul nak belajar mesti kenal dia siapa, rahsia hidupnya macam mana, keluarganya macam mana, kita akan nampak dia dari sudut yang berlainan. Diibaratkan pula, khadam itu lagi tahu rahsia Raja daripada Perdana Menteri itu sendiri sebab khadam itu melihat

tempat tidur Raja dan sebagainya dan ilmu pengetahuan tentang Raja tu hanya khadam yang tahu.

**NH : Apa pula tips dan panduan yang boleh pak cik beri bagi para muda-mudi yang nak melibatkan diri dalam bidang penulisan?**

**EAHY :** Ok, yang penting kena berpesatua [berpesatuan] lah[tabiat percakapan] serta berkarya. Dan seperti kata sasterawan negara yang pertama, menulis tak boleh diajar tapi boleh dipelajari. Maksudnya, kalau kamu tak keluarkan bahan yang kamu fikir, bagaimana guru nak bimbing kamu, jadi apa saja jangan fikir banyak terus saja keluarkan, baru lepas tu (selepas itu) kita susun balik dan baru waktu tu (itu) kita fikir konteksnya. Keluarkan isi hati kita dan garapkan. Sasterawan negara seterusnya, Professor Mohammad Haji Salleh[penulis Malaysia] ada berkata aksara atau huruf berada dimana-mana, berterbangan di udara di dalam laci di dalam, kita akan petik, kita akan keluarkan dia. Kita tulis apa yang kita nak kemukakan baru tahu apa yang kita tulis, tahu apa yang kita fikir. Jadi lepas tu [itu] kita tengok acuey [acuan] dia, susuney [susunan] dia resepi dia. Ok, kalau nak jadi tukang masak, nak memasak sesuatu kena ada bahe [bahan], ada alat memasok [memasak], jadi bahe-bahe [bahan-bahan] tu [itu] ada, alat memasak ada dan cara nak buat macam mana. Jadi pertama sekali tu [itu] buat- - - cili sos, tomato, kicap tu [itu] lepas tu [selepas itu] kamu akan tahu lah masin ke macam mana. Begitulah cara nak buatnya dan orang yang menikmati karya kamu atau masakan kamu itu kata sedap itu baru lah [tabiat percakapan] betul,

bukan kamu yang mengatakan sedap. Dan nilai hadiah tu [itu] adalah untuk sementara waktu saja[sahaja]. Jadi teruskan untuk meningkat lagi dan kita akan jadi berjaya. Menulis itu sebenarnya dinilai dengan karya, jadi kalau kita tidak keluarkan karya kita takda[tiada] lah[tabiat percakapan], tapi bukan dari segi kuantiti tapi kualiti. Kalau karya banyak pun tak guna juga, tapi kalau satu pun dan bernilai, ia berfaedah juga .Kalau buku tu [itu] sejuta orang beli, kamu dapat untung seringgit makna kamu akan dapat sejuta ringgit (RM 1,000 000). Jadi, itu lah[tabiat percakapan] dia.

**NH : Mungkin pak cik boleh bersyair ataupun berpuisi sikit ?**

**EAHY : Berpuisi tu[itu] boleh lah[tabiat percakapan], tak kisah lah[tabiat percakapan].**

**NA : Mungkin sajak yang first (pertama) yang pak cik tulis yang terkesan di hati?**

**EAHY : Puisi itu ialah Sebuah\_Bangsa yang di tulis bersama\_Mustaffa. Tapi dia punya tu[ itu] saya- cuba pergi ambil lah[tabiat percakapan]. Saya takut lupa, saya rasa sajak ini lah. Sudah, hiley[hilang]dah, takda [tidak ada). Kertas dia tercabut dah[sudah].**

**NH : Mungkin sajak Burung Tempua?**

**EAHY : Sajak Burung Tempua... Lagu ya. Takpe [tidak mengapa], saya rasa saya boleh. Saya tak tahu hilang kat mana sajak itu, baru ni[ini] saya pergi ke IPG [Institut**



Perguruan], kertas tak[tidak] susun lagi dan mungkin telah tercicir.Ok (tokoh  
mula menyanyi lagu).

Tanpa mengenal jemu

Menganyam api, jerami dan rumput

Membina di tempat berteduh

Dari hujan dan ribut sering merempuh

Tubuhmu sekepal daging

Tabah meredah angin

Dan terik mentari menjelajah aah

Dari setiap padang kembali ke sarang

Tempua itu rajin dan tekun

Mencipta mengajar kami erti keberanian

Mengajar kami sebuah kejayaan

Tentang usaha dan ketabahan

(tepukan)

\_bahasa tu[itu] yang sepatutnya saya baca, walaupun takde[tiada] di sini tapi

saya ingat, tapi saya takut saya terhenti pula. Sepatutnya kertas tu[itu] saya

simpan disini\_ \_[merujuk kepada fail simpanan puisi beliau]. Jadi,

Sebuah\_Bangsa karya Norhisham Mustaffa[penulis dan sasterawan tempatan]

(tokoh mula bersajak)

Ratap duka anak bangsa

Menyirat luka nusa

Nestapa memenjang menyaring pedih wasiat ibunda  
Kerikil menikam tak sejengkal patah  
Selagi belati masih mengilat  
Tangan tetap mengepal niat  
Cekal berani menempuh abad baru jatuh atau bangun  
Masih mampu bergandingan bahu  
Segenggam benih dendam  
Lahar amarah merah meratah  
Setiap sendi tulang dan urat nadi pembunuh hayat  
Tembus oleh tusukan sejarah  
Tempias merimas antara bias dan percik keringat  
Muram wajah semesta  
Masih mencelah harapan  
Kasih sayang anantara insan terbangun  
Sebuah pelabuhan sepi  
Dalam muram dunia hari ini  
Kapal-kapal sedang berlabuh  
Dan melepaskan asap kembara  
Peluh dan tambur saling bertingkah  
Yang tiba membawa lagu-lagu derita  
Yang menyanyikan- - -  
Bahagian yang itu saya terganggu tu[itu]. Kertas tu[itu] saya tidak ingat dimana.

Jadi kadang-kadang saya tak[tidak] ingat. Takpe[tidak mengapa] ya.

**NH : Alhamdulillah,dengan berakhirnya pak cik bepuisi dan bernyanyi maka tamatlah interview[temuramah] kita pada hari ini.Terima kasih kepada pak cik kerana sudi meluangkan masa untuk kami.**

**EAHY : Sama-sama. Ok, sekian Wabillataufik wal hidayah assalammualaikum warahmatullahiwabarakatuh.**

**NH : Waalaikummussalam.**

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

Terima kasih diucapkan kepada Encik Abdul Hadi kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Encik Abdul Hadi pada hari ini.

## RUJUKAN

Abdul Hadi Yusoff, personal communication, May 2nd, 2014

Sharrul Rizal Hashim. (2006). Direktori penulis timur: *Pusat Dokumentasi Melayu Tengku Anis Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur*, 4-5.

# LAMPIRAN

### LOG WAWANCARA

Nurul Affatin dan Nur Hasanah menemubual Encik Abdul Hadi Bin Yusoff, yang dilahirkan pada 1959, di Kelantan Darul Naim. Temubual dijalankan di rumah beliau di Rambutan Rendang Kota Bharu, Kelantan, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang penulis dalam tahun 1977 sehingga kini.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0:00:45	Latar belakang tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Abdul Hadi bin Yusoff</li><li>2. Hanis i.l.y. (nama pena)</li><li>3. Cempakasari (nama pena)</li><li>4. Kampung Chekok</li></ol>
0:02:04	Latar belakang ibu bapa tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Saudah Binti Yusof</li><li>2. Kampung Jejawi, Padang Tembak</li><li>3. Yusoff Bin Long</li><li>4. Kampung Panchor</li></ol>
0:04:45	Latar belakang isteri tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Meriam binti Awang Lah</li><li>2. Bukit Panas, Tanah Merah</li></ol>
0:07:25	Jawatan yang berkaitan penulisan yang dipegang tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Setiausaha Satu Persatuan Penulis Kelantan</li></ol>
0:09:35	Latar belakang anak tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. ASWARA</li><li>2. Dewan Bahasa dan Pustaka</li></ol>

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
		3. PTPTN Kota Bharu (Perbadanan)
0:12:45	Idola Tokoh dalam Bidang Penulisan	1. Norhisham Mustafa 2. Penasihat Persatuan Penulis Kelantan 3. A. Samad Said 4. Aziz H.M. 5. Wadi Leta S.A. (Wan Ahmad @ Wan Adnan bin Wan Daud)
0:16:31	Awal persekolahan tokoh	1. Sekolah Majlis Agama Islam Bahagian Melayu
0:22:33	Sahabat Tokoh yang sama-sama bergiat dalam bidang penulisan	1. Datuk Muhammad Ammar 2. Mustafa Jusoh
<b>Bahagian 2: Kerjaya</b>		
0:26:58	Penglibatan Kali Pertama dalam Bidang Penulisan	1. Utusan Melayu 2. Persatuan PENA (Persatuan Penulis Nasional) 3. Burung Tempua
0:30:15	Nama Pena yang Digunakan dalam Bidang Penulisan	1. Hanis I.L.Y
0:31:41	Pekerjaan Selain dari Menulis	1. Pencari fail

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0:37:43	Antara tajuk Karya Tokoh dalam Bidang Penulisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tribulasi</li> <li>2. Nyanyian Wau</li> <li>3. Burung Tempua</li> <li>4. Bunga Pusaka Bangsa</li> <li>5. Pulau-Pulau</li> <li>6. Tali-Tali</li> <li>7. Kampung Laut: Gerbang Timur Tamadun Melayu</li> <li>8. Cari-Carilah</li> </ol>
0:38:49	Piala yang pernah diperolehi oleh tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penulis Artikel Perlancongan Terbaik Malaysia (2003)</li> </ol>
0:38:49	Program yang terlibat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PLKN (Program Latihan Khidmat Negara)</li> <li>2. Program Penghayatan Sastera dan Budaya</li> </ol>
0:41:13	Menulis untuk syarikat penerbitan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dewan Sastera dan Budaya</li> <li>2. Dewan Masyarakat</li> <li>3. Mingguan Malaysia</li> <li>4. Berita Minggu</li> <li>5. Utusan Melayu</li> <li>6. Jendela Timur</li> </ol>
0:47:12	Antara karya terkini tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Airmata Cinta</li> <li>2. Bumi Manusia</li> </ol>



MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1:05:36	Antara sajak yang dibacakan oleh tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aku Yang Kau Burungkan</li> <li>2. Sajak Tentang Pembuangan Bayi</li> </ol>
<b>Bahagian 3: Pengalaman</b>		
1:14:30	Pandangan tokoh mengenai kualiti penulisan zaman dahulu dan sekarang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Azizi Haji Abdullah</li> <li>2. Datuk Lat (kartunis negara)</li> </ol>
<b>Bahagian 4: Anugerah</b>		
1:19:15	Anugerah yang pernah diterima tokoh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Anugerah Pingat Perangai Baik (2009)</li> <li>2. The Malaysia Book of Records</li> <li>3. GAPENA (2001)</li> <li>4. Anugerah Pingat Sastera Terbaik</li> </ol>
<b>Bahagian 5: Harapan</b>		
1:27:18	Penglibatan generasi muda dalam bidang penulisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. ASWARA</li> <li>2. Filem Upin dan Ipin</li> </ol>

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1:30:49	Tip dan panduan oleh tokoh untuk libatkan diri dalam bidang penulisan	1. Professor Muhammad Haji Salleh

## SENARAI SOALAN

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh pakcik dan nama panggilan yang digunakan?
2. Bila dan dimanakah pakcik dilahirkan dan dibesarkan?
3. Apakah nama penuh ibu dan bapa pakcik dan maaf bertanya adakah mereka masih hidup?
4. Ibu bapa pakcik berasal dari mana?
5. Sebelum ini apakah pekerjaan pak cik?
6. Berapakah bilangan adik beradik pak cik dan pak cik anak ke berapa?
7. Siapakah nama isteri encik?
8. Sudah berapa lamakah pak cik berkahwin?
9. Macam mana pak cik kenal dengan isteri pak cik?
10. Apakah isteri pak cik masih menulis sehingga sekarang?
11. Berapa bilangan anak pak cik?
12. Berapa umur anak pakcik jika dia masih hidup?
13. Apakah pekerjaan anak-anak pak cik?
14. Berapa orang cucu yang pak cik ada?
15. Apakah hobi pak cik pada waktu terluang?
16. Siapakah antara tokoh-tokoh yang menjadi idola pak cik?
17. Apakah antara kenangan manis dan pahit yang pak cik pernah lalui?
18. Bila dan dimanakah pak cik mula-mula bersekolah?
19. Adakah pak cik memasuki sekolah rendah dengan sekolah menengah yang sama?
20. Adakah pak cik seorang yang aktif bepersatuan dan berkokurikulum semasa sekolah?
21. Apakah antara subjek yang pak cik suka masa bersekolah?
22. Siapakah antara teman yang paling pak cik ingat masa zaman sekolah?
23. Setelah tamat sekolah menengah adakah pak cik menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
24. Apakah antara pesanan yang paling pak cik ingat daripada dulu sampai sekarang daripada tokoh pak cik?

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

25. Siapakah orang pertama yang mengesan bakat pak cik dalam bidang penulisan?
26. Bagaimana pak cik boleh melibatkan diri dalam bidang penulisan untuk pertama kali dan boleh pak cik ceritakan sedikit pengalaman?
27. Mungkin pak cik boleh kongsi nama pena pak cik dan bagaimana ia diperoleh dan adakah nama pena itu kekal sehingga ke hari ini?
28. Bagaimana dengan nama Cempakasari?
29. Melalui maklumat yang kami perolehi, pak cik mempunyai pekerjaan lain selain daripada menulis. Apakah pekerjaan tersebut?
30. Bagaimana pak cik membahagikan masa antara dua perkerjaan tersebut?
31. Apakah sumber inspirasi pak cik dalam menghasilkan karya?
32. Apakah antara cabaran yang pak cik lalui sepanjang bergelar penulis?
33. Mungkin pak cik ada teknik-teknik tersendiri bagi mengolah cerita untuk sesuatu karya?
34. Apakah antara genre-genre karya yang pak cik hasilkan?
35. Mungkin pak cik boleh kongsi tajuk-tajuk karya itu?
36. Mungkin sedikit sahaja daripada itu?
37. Adakah karya pak cik ada yang diterbitkan dalam buku?
38. Kalau sajak-sajak itu pun ada jugak?
39. Adakah pak cik turut menulis karya bagi syarikat penerbitan yang berbeza?
40. Antara karya yang dipaparkan di dalam radio?
41. Selalunya disisrakan di radio apa?
42. Selalunya berapa lama pak cik ambil masa untuk siapkan sesuatu karya?
43. Antara karya yang paling lama pak cik ambil masa nak siapkan?
44. Apakah persediaan awal yang pak cik lakukan setelah mendapat idea mengenai sesuatu karya?
45. Bagaimana pak cik memberi kelainan dalam karya pak cik?
46. Apakah karya yang paling mendapat sambutan dikalangan pembaca?
47. Apakah karya yang terkini yang pak cik hasilkan?

48. Adakah pak cik juga menggembara ataupun melancong untuk mendapatkan idea di dalam penulisan?
49. Antara tempat yang encik selalu pergi untuk menggembara mendapatkan ilham?
50. Selain dari bidang penulisan apakah bakat lain yang orang lain tidak tahu?
51. Pak cik pernah menjuarai pertandingan puisi, dari mana dan siapakah yang mengajar dan menjadi mentor pak cik?
52. Apakah di antara medium yang diguna pakai dalam mencari sesuatu maklumat bagi karya pak cik?
53. Ok. Apakah ada di antara anak-anak pakcik yang mengikut jejak langkah pakcik dalam bidang ini?
54. Apakah ada di antara karya yang anak pakcik hasilkan?
55. Apakah antara kepuasan yang pakcik dapat semasa menulis?

### BAHAGIAN 3: PENGALAMAN

56. Pada pandangan pakcik apakah perbezaan antara gaya penulis pada zaman dahulu dan juga kini?
57. Apa pula tips daripada pak cik untuk menjadi seorang penulis berbakat dan berwibawa?
58. Bagaimana pula ciri-ciri untuk menjadi seorang penulis?
59. Bagaimana pula kalau pandangan pak cik dari segi kualiti penulisan zaman dahulu dan sekarang?
60. Apakah aspek yang perlu diberi penekanan dalam sesebuah penulisan?
61. Mungkin pakcik boleh kongsi bayaran yang pernah diterima diawal pembabitan?
62. Mungkin pak cik pernah rasa satu tahap dimana pak cik ada rasa kecewa ataupun merasa putus asa dalam nak menulis sesuatu karya?

### BAHAGIAN 4: ANUGERAH

63. Apakah anugerah yang pernah pak cik capai dalam bidang penulisan?
64. Apa pula perasaan pak cik apabila menerima anugerah yang sebanyak itu sehingga ke hari ini?

65. Mungkin pak cik sudah berpuas hati dengan apa yang dicapai sehingga ke hari ini?
66. Adakah dengan pak cik menerima anugerah, ia sedikit sebanyak memotivasikan diri pak cik dalam meneruskan lagi dalam bidang penulisan?

#### BAHAGIAN 5: PENGHARGAAN

67. Jadi dari kacamata pak cik sendiri, adakah program-program yang berbentuk kesenian dan warisan ini dapat memberi impak kepada warisan sesebuah bangsa?
68. Apa yang pak cik boleh komen mengenai penglibatan muda-mudi dalam aktiviti kesenian?
69. Apakah kunci kejayaan yang pak cik ambil kira pengurusan dalam bidang penulisan?
70. Apa pula tips dan panduan yang boleh pak cik beri bagi para muda-mudi yang nak melibatkan diri dalam bidang penulisan?
71. Mungkin pak cik boleh bersyair ataupun berpuisi sikit ?
72. Mungkin sajak yang first (pertama) yang pak cik tulis yang terkesan di hati?
73. Mungkin sajak Burung Tempua?
74. Alhamdulillah, dengan berakhirnya pak cik berpuisi dan bernyanyi maka tamatlah interview[temuramah] kita pada hari ini. Terima kasih kepada pak cik kerana sudi meluangkan masa untuk kami.



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
Machang, Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ENCIK ABDUL HADI BIN YUSOFF Pada 2 MEI 2014.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah

Pusat Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

**Pejabat Timbalan Rektor  
(Hal Ehwal Akademik)**  
Deputy Rector Office  
(Academic Affairs)

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan**  
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia  
Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>  
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156  
Email : [tpheakn@kelantan.uitm.edu.my](mailto:tpheakn@kelantan.uitm.edu.my)



Tarikh  
No. Fail

25 Mac 2018  
100-IKK(HEA 30.7/2)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

<u>BIL</u>	<u>NAMA</u>	<u>NO. UiTM</u>
1.	NUR HASANAH BINTI ZAMARI	2012727751
2.	NURUL AFFATIN BINTI ABD LATIF	2012507909


Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245), Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu ORAL DOCUMENTATION (IMR 604).

1. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami ransikan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ni adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi NUR HASANAH BINTI ZAMARI di talian 012 7196706.

2. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

  
MIRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL  
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik  
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



GAMBAR



i. Gambar bersama tokoh selepas selesai sesi temuramah.



ii. Pemberian cenderamata kepada tokoh.



iii. Antara koleksi buku-buku hasil tulisan Encik Abdul Hadi bin Yusoff dan juga isteri beliau.

## INDEKS

- A**
- Aksara, 56
- Alam, 11, 32, 42
- Anugerah, 49, 50
- ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan), 7, 34, 54
- B**
- Bakat, 3, 16, 44, 53
- Bank data, 26, 45
- Bengkel penulisan, 12
- Berlakon, 12, 22, 54
- Bersajak, 14, 36, 54
- Buku, 4, 6, 22, 23, 26
- Burung Tempua, 3, 17, 22, 57
- C**
- Cerita rakyat, 23
- Cerpen, 4, 13, 22, 23, 35
- D**
- Deklamasi, 8, 9, 54
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 7, 24, 33
- Drama, 8, 21, 22, 23
- G**
- GAPENA, 22, 49
- Gaya bahasa, 44
- Gurindam, 4, 54
- I**
- Idea, 26, 32
- Ilmu Batu, 21
- K**
- Kesusasteraan, 5
- KOMSAS (Komponen Sastera), 3
- Kualiti, 46, 57
- M**
- Masyarakat, 24, 32
- Media, 24, 54
- Meditasi, 40
- Membaca, 27, 29, 36, 44
- Menggembara, 28, 29
- Menulis, 3, 4, 8, 29
- N**
- Nazam, 4
- Novel, 12, 22, 36, 50
- P**
- Pelopop, 31
- Pemberita Sambilan, 15
- PENA (Persatuan Penulis Nasional), 17
- Penghargaan, 49
- Penglipur lara, 51
- Penulis, 6, 15, 23, 29
- Penulisan, 4, 16, 17, 46, 56
- Penyair, 9, 15
- Persatuan Penulis Kelantan, 6, 8, 15
- Puisi, 4, 8, 9, 17, 23
- R**
- Radio, 8, 22, 24
- S**
- Sajak, 3, 5, 17
- Sastera, 13, 38
- Sasterawan, 8, 9, 28
- Sayembara, 9, 10, 17, 31
- Sehijau Warna Daun, 3, 32
- Syair, 6, 57
- T**
- Teater, 9, 22, 54
- Teknik-teknik, 21, 31
- Tokoh, 8, 15, 30, 58
- W**
- Wayang Kulit, 5